BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Prakata

Tinjauan Kestabilan Kewangan ini memberikan penilaian Bank Negara Malaysia mengenai risiko semasa dan potensi risiko terhadap kestabilan kewangan negara dan daya tahan sistem kewangan Malaysia yang berperanan penting sebagai pengantara kewangan dalam ekonomi. Tinjauan Kestabilan Kewangan ini turut melaporkan pelbagai langkah yang telah dilaksanakan dalam pengurusan risiko terhadap kestabilan kewangan serta mengandungi rencana berkenaan topik yang mendapat perhatian ramai.

Tinjauan Kestabilan Kewangan ini diterbitkan dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang isu-isu dan perkembangan yang mempengaruhi kestabilan kewangan di negara ini.

Semua analisis dalam dokumen ini menggunakan data yang tersedia sehingga 30 Jun 2018.

Tinjauan Kestabilan Kewangan ini boleh didapati dalam format PDF di www.bnm.gov.my

Kandungan

4 Sorotan Penting

7 Tinjauan Keseluruhan

Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan

9 Risiko Kredit

17 Risiko Pasaran

20 Risiko Mudah Tunai dan Pendanaan

21 Risiko Penularan

Kekukuhan dan Daya Tahan Institusi Kewangan

27 Sektor Perbankan

29 Sektor Insurans dan Takaful

31 Ujian Tekanan Kesolvenan Berbilang Tahun Terhadap Bank dan Penanggung Insurans

Rencana

34 *Hutang Penjawat Awam: Risiko dan Pertimbangan Dasar*

41 Tambahan

Sorotan Penting

Tinjauan Kestabilan Kewangan – Separuh Pertama 2018

Institusi kewangan kekal berdaya tahan

Permodalan dan keuntungan institusi kewangan yang kukuh

Sektor perbankan

17% **Nisbah jumlah modal** (2017: 17.8%)

13.3% **Pulangan atas ekuiti** (2017: 13%)

Sektor insurans

239.3% **Nisbah kecukupan modal** (2017: 233%)

15.5% **Pulangan atas ekuiti** (2017: 16%)

Mudah tunai yang lebih daripada mencukupi dalam sistem perbankan bagi menyokong pengantaraan kewangan

Sistem Perbankan: Nisbah Perlindungan Mudah Tunai dan Aset Mudah Tunai



Pasaran kewangan domestik kekal teratur walaupun tekanan pasaran meningkat

Tahap tekanan dalam pasaran kewangan domestik meningkat pada tahun 2018 meskipun lebih rendah daripada paras yang tinggi masa lalu

Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)



Pelabur institusi domestik terus menyokong pasaran kewangan domestik berikutan penilaian yang menguntungkan

Penjualan bersih bon Kerajaan dan ekuiti oleh pelabur bukan pemastautin
RM24.7 bilion

Pembelian bersih bon Kerajaan dan ekuiti oleh institusi pelaburan domestik
RM59.7 bilion

Pembiayaan oleh institusi kewangan terus menyokong aktiviti ekonomi

Isi rumah dan perniagaan yang layak terus mendapat akses kepada pembiayaan

Sistem Perbankan: Pertumbuhan Tahunan Pembayaran Pinjaman



Lebih daripada 70% pinjaman yang diluluskan adalah untuk pembeli rumah kali pertama bagi rumah berharga di bawah RM500 ribu

Komposisi Peminjam Mengikut Harga Rumah



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keupayaan isi rumah dan perniagaan membayar hutang kekal utuh

Kewangan yang kukuh terus menyokong keupayaan isi rumah dan perniagaan membayar balik hutang



* Piawaian kehematan

Kualiti aset yang teguh dalam sistem perbankan

Tahap pinjaman terjejas kekal rendah dan stabil kerana bank-bank terus mematuhi amalan peruntukan berhemat, yang memastikan kekukuhan penampan kewangan dapat menyerap potensi kerugian

Sistem Perbankan:
Kualiti Aset Keseluruhan



Sistem Perbankan: Nisbah Pinjaman Terjejas Kasar Mengikut Sektor



[1] Merujuk nisbah peruntukan pinjaman terjejas individu dan kolektif terhadap jumlah pinjaman terjejas

Sorotan Penting

Rencana | Hutang Penjawat Awam: Risiko dan Pertimbangan Dasar

Penjawat awam semakin terbelenggu dengan hutang dan mempunyai penampan kewangan yang lebih rendah



Risiko terhadap kestabilan kewangan adalah terhad



Nisbah pinjaman terjejas agregat hutang penjawat awam yang rendah pada 1.3%

Hutang berisiko cuma 2.2% daripada jumlah hutang isi rumah atau 16% daripada modal lebihan bank

Sumber: Bank Negara Malaysia

TINJAUAN KESELURUHAN

Kestabilan kewangan domestik kekal mampan dalam keadaan ketidakpastian yang semakin ketara akibat faktor-faktor di dalam dan luar negeri pada separuh pertama tahun 2018. Volatiliti (turun naik) pasaran kewangan global terus berada pada tahap yang tinggi berikutan ketegangan perdagangan yang berlarutan dan juga pasaran sedang pesat membangun mengalami aliran keluar modal ekoran kadar faedah yang lebih tinggi di Amerika Syarikat (AS) serta nilai dolar AS yang lebih kukuh. Keadaan ini berlaku selepas ekonomi sedang pesat membangun mengalami peningkatan aliran masuk modal untuk suatu tempoh yang berpanjangan berikutan kadar hasil yang rendah dalam ekonomi maju. Di dalam negeri, ketidakpastian mengenai dasar yang akan dilaksanakan selepas keputusan pilihan raya umum Malaysia ke-14 (PRU14) juga menyebabkan volatiliti pasaran meningkat. Pasaran kewangan domestik terus berdaya tahan walaupun terdapat kebalikan (reversals) dalam aliran portfolio bukan pemastautin, hasil sokongan pelabur institusi domestik termasuk institusi kewangan. Asas-asas institusi kewangan terus teguh, disokong oleh tahap permodalan yang tinggi, profil pendanaan dan mudah tunai yang kukuh serta kualiti aset yang tinggi. Kesemua faktor ini lantas memberikan sokongan yang mantap kepada pengantaraan kredit.

Jawatankuasa Kestabilan Kewangan (Financial Stability Committee, FSC) Bank Negara Malaysia mendapati tahap risiko keseluruhan terhadap kestabilan kewangan domestik pada amnya tidak berubah (Gambar Rajah 1). Walaupun penunjuk tekanan pasaran kewangan memperlihatkan trend yang meningkat, strategi pengurusan risiko yang berhemat dan perlindungan nilai oleh bank berjaya membendung dedahan risiko pasaran. Keadaan mudah tunai dan pendanaan juga terus kondusif bagi menyokong pengantaraan kewangan meskipun volatiliti pasaran meningkat. Berdasarkan penilaian yang dibuat, risiko kredit berada pada tahap yang rendah dan bank terus mematuhi amalan pengunderaitan dan pengurusan risiko yang mantap. Secara keseluruhannya, keupayaan peminjam membayar balik hutang terus disokong oleh peningkatan pendapatan isi rumah yang mampan dan kedudukan kewangan perniagaan yang kukuh. Walau bagaimanapun, beberapa risiko masih wujud. Pinjaman terjejas (impaired loans) meningkat sedikit dalam kalangan isi rumah yang semakin terdedah kepada ketidaktentuan pendapatan dan menghadapi tekanan kos sara hidup yang lebih tinggi. Namun demikian, tahap pinjaman terjejas masih rendah. Pengumpulan hutang isi rumah keseluruhan juga semakin mampan selaras dengan peningkatan pendapatan. Dalam segmen harta bukan kediaman, lebihan bekalan ruang pejabat dan kompleks beli-belah dijangka berterusan dengan kadar kekosongan terus bertambah pada suku pertama 2018. Keadaan semasa juga masih mencabar bagi syarikat-syarikat dalam sektor minyak dan gas berikutan kadar peningkatan perbelanjaan modal yang perlahan dalam kalangan pengeluar minyak utama. Dedahan bank kepada segmen ini kekal rendah dengan tahap modal semasa menyediakan penampan yang kukuh terhadap potensi kerugian walaupun di bawah senario tekanan yang teruk. Institusi kewangan juga terus berwaspada terhadap risiko yang baru muncul dalam operasi luar negeri mereka berikutan keadaan kewangan global yang semakin ketat.

Bagi tempoh seterusnya tahun ini, risiko terhadap kestabilan kewangan dijangka terkawal meskipun keadaan di dalam dan luar negeri terus tidak menentu. Pada peringkat global, pertumbuhan ekonomi dijangka sederhana pada separuh kedua tahun 2018 dan juga pada tahun 2019. Ketidakpastian mengenai pertikaian perdagangan yang sedang berlaku antara ekonomi utama serta pengembalian dasar monetari ke tahap yang lebih wajar pada kadar yang lebih cepat di dalam keadaan tekanan inflasi beberapa ekonomi utama yang semakin meningkat, terus menjadi risiko utama kepada prestasi perniagaan dan keadaan pasaran kewangan negara sedang pesat membangun. Pasaran kewangan domestik dijangka kekal berdaya tahan dan beroperasi dengan teratur. Hal ini akan terus disokong oleh asas-asas ekonomi Malaysia yang kukuh dan kehadiran pelabur jangka panjang tetap yang lebih ramai, lantas meningkatkan daya tahan pasaran terhadap aliran keluar modal besar-besaran secara mendadak. Pengantaraan kredit akan terus disokong oleh profil pendanaan bank yang kukuh dan lebihan mudah tunai yang mampan dalam sistem perbankan. FSC terus berwaspada terhadap tanda-tanda peningkatan tekanan kewangan dalam segmen isi rumah dan sektor perniagaan. Langkah-langkah dasar semasa dan amalan pengurusan risiko institusi kewangan akan terus memainkan peranan penting dalam mengawal risiko yang mungkin menjejaskan kestabilan kewangan domestik.

Gambar Rajah 1

Haluan Risiko yang Memberikan Impak kepada Kestabilan Kewangan Domestik

			Haluan risiko (ST1 2018 berbanding 2017)
Risiko kredit	**Isi rumah**	• Keupayaan isi rumah membayar balik hutang pada amnya terus kukuh • Isi rumah mengekalkan aset kewangan agregat lebih dua kali daripada hutang • Bank-bank berdaya tahan untuk menghadapi kejutan daripada isi rumah, dengan potensi kerugian daripada segmen berpendapatan rendah mencakupi kurang satu perlima daripada penampan lebihan modal	⟷
	Pasaran harta tanah	• Ketidakpadanan yang berterusan dalam permintaan dan bekalan rumah mampu milik • Lebihan bekalan yang berterusan dalam segmen ruang pejabat dan kompleks beli-belah dengan dedahan bank kepada segmen tersebut mencakupi 5% daripada jumlah pinjaman • Bank-bank berdaya tahan terhadap potensi kejutan yang timbul daripada perkembangan pasaran harta tanah dan sektor yang berkaitan	⟷
	Syarikat bukan kewangan	• Kualiti aset keseluruhan terus kukuh walaupun keupayaan membayar balik hutang peminjam dalam sektor minyak dan gas serta harta tanah bertambah lemah • Dedahan bank kepada sektor berkaitan minyak dan gas mencakupi 6% daripada jumlah dedahan perniagaan • Majoriti kumpulan peminjam besar berupaya membayar balik hutang meskipun di bawah senario tekanan • Risiko kepada kestabilan kewangan yang berpunca daripada hutang luar negeri adalah rendah memandangkan 30% daripadanya merupakan pinjaman antara syarikat. Sebahagian besar daripada baki pinjaman pula dilindung nilai oleh perolehan mata wang asing dan/atau derivatif kewangan	⟷
Risiko pasaran		• Pasaran kewangan domestik terus teratur walaupun tekanan pasaran meningkat • Dedahan risiko pasaran bagi institusi kewangan adalah stabil	↑
Risiko mudah tunai dan pendanaan		• Mudah tunai dalam sistem perbankan lebih daripada mencukupi untuk memenuhi keperluan mudah tunai • Struktur pendanaan bank-bank terus kukuh, sebahagian besarnya dibiayai oleh deposit • Bank-bank mengekalkan nisbah perlindungan mudah tunai yang jauh melebihi tahap minimum pengawalseliaan, sekali gus mengurangkan risiko mudah tunai jangka pendek	⟷
Risiko penularan	**Kesaling-hubungan dengan IKBB**	• Tiada perubahan yang ketara dalam jenis dan magnitud penyebaran risiko daripada institusi kewangan bukan bank (IKBB) • Kesalinghubungan antara IKBB berkurang sedikit susulan penggabungan sebuah IKBB dengan sebuah bank berlesen	⟷
	Dedahan luaran	• Kedudukan liabiliti luaran bersih semakin meningkat susulan langkah bank memperkukuh penampan mudah tunai mata wang asing • Lebih dua pertiga (68%) daripada peminjaman antara bank mata wang asing luaran adalah daripada rakan niaga yang berkaitan, yang kurang terdedah kepada kejutan pengeluaran yang mendadak • Bank-bank terus dibiayai sebahagian besarnya oleh sumber pendanaan domestik dalam denominasi ringgit dengan sedikit tanda-tanda pergantungan yang berlebihan terhadap pendanaan luaran dan mata wang bersilang • Bank-bank terus berhemat dalam pengurusan ketidakpadanan tempoh matang dan mata wang; bank-bank memegang aset mudah tunai mata wang asing dalam jumlah yang besar untuk digunakan bagi memenuhi obligasi luaran mereka	↑
	Operasi luar negeri bank	• Risiko yang berpunca daripada operasi kumpulan perbankan domestik di luar negeri dinilai sebagai rendah kerana operasi tersebut disokong oleh penampan modal dan penampan mudah tunai yang kukuh serta kualiti aset yang tinggi	⟷

⟷ **Stabil** ↓ **Menurun** ↑ **Meningkat**

RISIKO KREDIT

Pertumbuhan Hutang Isi Rumah Meningkat Dipacu oleh Pinjaman Bercagar

Pada akhir bulan Jun 2018, pertumbuhan tahunan hutang[1] isi rumah meningkat kepada 5.2% (2017: 4.9%) (Rajah 1). Pinjaman untuk pembelian harta kediaman terus menjadi pemacu utama pertumbuhan (8.4%; 2017: 8.6%; sumbangan kepada pertumbuhan pada akhir bulan Jun 2018: 4.3 mata peratusan; 2017: 4.3 mata peratusan) yang disokong terutamanya oleh permintaan yang mampan untuk rumah berharga antara RM250,000 hingga RM500,000. Pertumbuhan keseluruhan hutang isi rumah juga dipacu oleh pinjaman untuk pembelian sekuriti[2] yang meningkat 8.4% (2017: 1.8%) dan menyumbang 0.5 mata peratusan (2017: 0.1 mata peratusan) kepada peningkatan keseluruhan peminjaman isi rumah. Hal ini sebahagiannya mencerminkan langkah sesetengah bank menyeimbangkan dedahan pinjaman mereka untuk lebih mengutamakan pinjaman bercagar. Nisbah hutang isi rumah kepada KDNK semakin menurun sejak tahun 2015 (Rajah 2).

Risiko terhadap kestabilan kewangan daripada dedahan sektor isi rumah sebahagian besarnya terus dikurangkan oleh piawaian pengunderaitan, amalan pengurusan risiko dan penilaian kemampuan membayar balik pinjaman yang mantap. Peminjaman isi rumah baharu kekal berkualiti tinggi. Kira-kira tiga perempat daripada pinjaman baharu yang diluluskan adalah untuk peminjam dengan nisbah khidmat hutang (debt service ratio, DSR) yang kurang daripada 60%. Sebahagian besar hutang isi rumah (64.5%) terus dicagarkan kepada harta tanah dan pelaburan yang prinsipalnya dijamin. Lantas, ini mengurangkan dedahan bersih terhadap hutang isi rumah dengan ketara.

Keupayaan isi rumah membayar balik hutang kekal utuh, disokong oleh pendapatan yang mampan dan pertumbuhan guna tenaga yang stabil. Pertumbuhan tahunan aset kewangan isi rumah adalah lebih rendah kepada 5.1% (2017: 8.6%), didorong terutamanya oleh perubahan penilaian dalam dana amanah saham dan pemegangan ekuiti, sejajar dengan prestasi pasaran ekuiti yang lebih lembap pada suku kedua (Rajah 3). Secara agregat, penampan kewangan kekal lebih daripada mencukupi berikutan aset kewangan dan aset kewangan mudah tunai masing-masing pada 2.1 dan 1.4 kali hutang. Dengan mengambil kira kekayaan perumahan, nisbah jumlah aset isi rumah kepada hutang juga kekal tinggi iaitu empat kali (2017: 4.1 kali).

Nisbah pinjaman terjejas kepada jumlah hutang isi rumah terkumpul bagi bank dan bukan bank kekal pada 1.6% manakala nisbah delinkuen (pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan) menurun kepada 1.2% daripada jumlah pinjaman (2017: 1.4%). Walau bagaimanapun, jumlah pinjaman terjejas meningkat 2% secara tahunan pada akhir bulan Jun 2018 (2017: 1.9%). Khususnya, pinjaman terjejas untuk kegunaan peribadi, pinjaman untuk pembelian harta kediaman dan harta bukan kediaman dalam sistem perbankan masing-masing meningkat pada kadar tahunan 7.5%, 4.4% dan 20.4%. Peningkatan dalam pinjaman terjejas untuk harta kediaman dan harta bukan kediaman adalah terutamanya untuk harta tanah yang bernilai lebih daripada RM500,000, dengan pinjaman terjejas yang lebih tinggi dilihat dalam kalangan peminjam yang bekerja sendiri yang lebih terdedah kepada perubahan pendapatan. Sementara itu, pinjaman terjejas yang lebih tinggi dilihat dalam pinjaman peribadi tertumpu terutamanya pada peminjam (i) dengan gaji bulanan kurang daripada RM5,000; dan (ii) yang tinggal di pusat-pusat pekerjaan yang utama, yang secara amnya menghadapi kos sara hidup yang lebih tinggi.

Meskipun jumlah hutang individu yang berpendapatan kurang daripada RM3,000[3] sebulan meningkat sebanyak RM1.6 bilion kepada RM228.5 bilion, pecahan (share) peminjaman kepada jumlah hutang isi rumah terus menurun (ST1 2018: 19.6%; 2017: 19.9%). Hal ini mencerminkan hasil penilaian institusi kewangan mengenai kemampuan membayar balik hutang yang lebih baik (Rajah 4).

---

[1] Pinjaman yang diberikan oleh bank, institusi kewangan pembangunan dan institusi kewangan bukan bank (IKBB) utama.

[2] Sebanyak 85% adalah untuk pembelian dana amanah saham termasuk Amanah Saham Bumiputera.

[3] Peminjam ini lebih terdedah kepada kejutan.

Separuh daripada peminjaman dalam segmen ini adalah dalam bentuk pembiayaan berkadar tetap yang seterusnya mengurangkan keterdedahan peminjam terhadap perubahan dalam kos peminjaman. Walau bagaimanapun, nisbah agregat hutang terkumpul kepada pendapatan kasar tahunan bagi segmen ini terus meningkat kepada 8.4 kali (2017: 8.3 kali) yang sebahagian besarnya disebabkan oleh pinjaman harta kediaman. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan penambahan hutang oleh segmen ini dilakukan secara berhemah bagi mengelakkan bebanan hutang yang berlebihan dan masalah kewangan.

Langkah-langkah kehematan makro yang sedia ada masih relevan

Secara keseluruhan, pengumpulan hutang isi rumah terus meningkat namun pada kadar yang lebih mampan. Keadaan ini adalah berikutan pelbagai langkah yang dilaksanakan sejak tahun 2010. Memandangkan tahap hutang isi rumah masih tinggi, ditambah pula oleh beberapa tekanan kewangan dalam segmen-segmen tertentu, Bank Negara Malaysia berpendirian bahawa langkah-langkah kehematan makro yang sedia ada masih relevan.

Rajah 1: Sektor Isi Rumah – Pertumbuhan Hutang Tahunan

Hutang isi rumah dipacu oleh permintaan rumah mampu milik yang mampan



Rajah 2: Sektor Isi Rumah – Nisbah Utama

Nisbah hutang kepada KDNK terus menurun



Rajah 3: Sektor Isi Rumah – Hutang dan Aset Kewangan

Isi rumah mengekalkan aset kewangan agregat melebihi dua kali hutang



Rajah 4: Sektor Isi Rumah – Hutang Mengikut Kumpulan Pendapatan Bulanan

Bahagian peminjaman bagi peminjam berpendapatan rendah semakin menurun



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Meskipun berada di bawah senario tekanan, bank-bank berupaya menghadapi potensi kerugian daripada sektor isi rumah

Sistem perbankan terus berdaya tahan terhadap kejutan daripada pemberian pinjaman kepada sektor isi rumah. Sekiranya berlaku kejadian mungkir secara serentak di bawah simulasi kejutan tekanan, potensi kerugian kepada sistem perbankan masih dalam lingkungan penampan modal lebihan (yang melebihi tahap minimum pengawalseliaan 8%) berjumlah RM138.5 bilion yang dipegang oleh bank-bank pada akhir bulan Jun 2018 (Jadual 1). Potensi kerugian yang berpunca daripada isi rumah dalam segmen pendapatan rendah (pendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan) mencakupi 40% daripada jumlah potensi kerugian.

Pasaran Harta Tanah Terus Berada Dalam Ketidakseimbangan, Namun Tiada Risiko Yang Nyata Terhadap Kestabilan Kewangan

Pada akhir bulan Jun 2018, jumlah dedahan institusi kewangan Malaysia kepada pasaran harta tanah dalam negeri meningkat 6.8% (2017: 7.2%) kepada RM878.9 bilion (Rajah 5). Jumlah dedahan ini mencakupi bahagian jumlah aset yang lebih besar (28%; 2017: 27.4%). Bank-bank terus menjadi pemberi pinjaman terbesar kepada pasaran harta tanah dalam negeri dengan mencakupi kira-kira 97% (RM852.2 bilion) daripada jumlah dedahan institusi kewangan kepada pasaran harta tanah. Daripada jumlah ini, kira-kira 90% merupakan pembiayaan akhir untuk pembelian harta kediaman dan bukan kediaman.

Dedahan kepada Pasaran Harta Kediaman

Ketidakpadanan antara permintaan dengan bekalan rumah, terutamanya dalam segmen rumah mampu milik, terus menambah tekanan terhadap harga rumah. Hanya 25% daripada jumlah rumah baharu yang dilancarkan antara tempoh tahun 2016 hingga S1 2018 berharga di bawah RM250,000 (purata tahun 2007-2009: 70%), berbanding dengan 35% daripada isi rumah Malaysia yang hanya mampu membeli rumah dalam lingkungan harga tersebut.

Rajah 5: Pasaran Harta Tanah – Dedahan Institusi Kewangan kepada Pasaran Harta Tanah

Kebanyakan dedahan institusi kewangan berkaitan dengan pembiayaan akhir untuk membeli harta kediaman dan bukan kediaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 1

Sektor Isi Rumah: Potensi Kerugian Kepada Sistem Perbankan Berdasarkan Andaian Teruk Terhadap Kebarangkalian Mungkir dan Kerugian Akibat Mungkir

		Harta kediaman	Kenderaan bermotor	Pembiayaan peribadi	Kad kredit	Jumlah[1]
Kebarangkalian mungkir tertekan (%)		6.7	7.2	14.5	14.5	
(Kebarangkalian mungkir dasar[2], %)		(1.7)	(1.8)	(3.6)	(3.6)	
Kerugian akibat mungkir tertekan (%)		40.0	75.0	95.0	95.0	
(Kerugian akibat mungkir dasar[2], %)		(16.7)	(45.5)	(70.5)	(70.5)	
Potensi kerugian (RM bilion)	Semua peminjam	**13.8**	**7.9**	**13.1**	**5.0**	**65.1**
	- Peminjam berpendapatan ≤ RM3,000 sebulan	1.7	2.4	4.3	0.7	14.5
	- Peminjam berpendapatan ≤ RM5,000 sebulan	4.1	4.5	7.2	1.9	26.5[3]

[1] Termasuk pinjaman isi rumah lain seperti pembiayaan untuk pembelian harta bukan kediaman dan barangan pengguna tahan lama.
[2] Berdasarkan kebarangkalian mungkir dan kerugian akibat mungkir bank dengan pendekatan Berdasarkan Penarafan Dalaman.
[3] 19.1% daripada lebihan penampan modal bank.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bilangan unit rumah yang tidak terjual[4] meningkat kepada kira-kira 146,196 unit pada akhir suku pertama 2018. Daripada jumlah tersebut, lebih 80% merupakan rumah yang berharga lebih daripada RM250,000.

Peminjam yang layak terus mendapat akses kepada pembiayaan rumah. Pembeli rumah kali pertama mencakupi lebih 70% daripada jumlah peminjam bagi pembiayaan rumah

Berdasarkan penilaian yang dibuat, didapati bahawa risiko berikutan pembetulan harga rumah yang ketara masih rendah disebabkan oleh beberapa faktor. Permintaan terhadap rumah terus kukuh. Pembiayaan terkumpul bank untuk pembelian harta kediaman meningkat 8.3% pada akhir Jun 2018 (2017: 8.7%; purata tahun 2010-2016: 12.5%), dengan pembiayaan terkumpul kepada pembeli kali pertama bagi rumah berharga kurang daripada RM500,000 mencakupi kira-kira 71% daripada jumlah peminjam bagi pembiayaan harta kediaman (rumah berharga bawah RM250,000: 54%). Kadar kelulusan[5] permohonan pinjaman harta kediaman terus melebihi 70%, sekali gus menyokong akses yang berterusan kepada pembiayaan perumahan bagi peminjam yang layak. Kegiatan spekulasi juga terus terkawal. Pada akhir bulan Jun 2018, bilangan peminjam yang mempunyai tiga dan lebih akaun pinjaman harta kediaman terkumpul, iaitu proksi bagi pembelian yang bersifat spekulatif, berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu 0.8% (2017: 0.9%; 2010: 15.8%). Segmen ini mencakupi kurang 3% daripada jumlah peminjam pembiayaan harta kediaman. Bahagian pinjaman harta kediaman yang selesai dibayar dalam tempoh tiga tahun, iaitu satu lagi pengukur bagi pembelian spekulatif, juga terus menurun kepada 8% daripada jumlah pinjaman harta kediaman yang telah dibayar sepenuhnya (2017: 9.7%).

Kualiti keseluruhan portfolio pinjaman harta kediaman bank kekal teguh. Keteguhan ini adalah sejajar dengan amalan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab serta penilaian dan amalan pengunderaitan yang lebih mantap (Rajah 6). Nisbah agregat pinjaman terjejas harta kediaman dan delinkuen dalam sistem perbankan kekal rendah, setiap satunya pada 1.1% (2017: masing-masing 1.3% dan 1%). Jumlah pinjaman terjejas bagi harta kediaman meningkat 6.2% disebabkan terutamanya oleh pinjaman terjejas bagi pembelian rumah yang berharga lebih daripada RM250,000. Walau bagaimanapun, nisbah pinjaman terjejas segmen ini masih rendah pada 0.9% (2017: 0.9%).

Dedahan kepada Pasaran Harta Bukan Kediaman[6]

Keadaan pasaran dalam segmen bukan kediaman kekal lembap disebabkan oleh bekalan yang berlebihan dalam segmen tertentu, terutamanya ruang pejabat dan kompleks beli-belah dijangka berterusan. Bilangan harta tanah komersial (seperti kedai, ruang pejabat dan kompleks beli-belah) yang diurus niaga pada suku pertama 2018 menurun kira-kira 9% (S4 2017: 8%), walaupun nilai urus niaga meningkat 15.6% (S4 2017: 32%). Hal ini mencerminkan bahawa nilai purata harta tanah komersial yang diurus niaga adalah lebih tinggi, terutamanya bagi harta tanah yang bernilai lebih daripada RM1 juta.

Rajah 6: Pasaran Harta Tanah - Analisis Vintaj bagi Pinjaman Perumahan dalam Sistem Perbankan

Kadar mungkir vintaj bagi pinjaman perumahan yang diluluskan sejak 2007 adalah lebih baik



Nota: Data termasuk pinjaman terjejas yang dihapus kira oleh bank

Sumber: Bank Negara Malaysia

[4] Termasuk harta tanah tidak terjual yang telah siap (lebihan) dan harta tanah tidak terjual yang masih dalam pembinaan. Harta tanah ini merangkumi semua harta kediaman, pangsapuri berperkhidmatan dan pejabat kecil/pejabat rumah (SOHO). (Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara).

[5] Kadar kelulusan ialah nisbah bilangan permohonan pinjaman harta kediaman yang diluluskan oleh semua bank di Malaysia kepada jumlah permohonan pinjaman harta kediaman yang diterima oleh bank-bank dalam tempoh yang sama. Nisbah sedemikian diperoleh berdasarkan data bulanan yang dilaporkan oleh bank-bank kepada Bank Negara Malaysia.

[6] Termasuk segmen ruang pejabat yang dibina dengan tujuan, kompleks beli-belah, kedai, bangunan industri dan kilang, dan harta bukan kediaman lain.

Bagi segmen ruang pejabat, bekalan baharu di Lembah Klang dalam tempoh empat tahun akan datang masih agak tinggi, iaitu 37.9 juta kaki persegi pada suku kedua 2018 (suku keempat 2017: 38.1 juta kaki persegi). Dalam segmen runcit, walaupun ada kalangan pemaju harta tanah telah menangguhkan atau mengecilkan saiz projek mereka untuk mendapatkan kadar penghunian yang lebih tinggi berikutan keadaan pasaran yang agak lembap, pertambahan kompleks beli-belah baharu di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor terus memberikan tekanan ke atas kadar penghunian dan sewa. Pada akhir suku pertama 2018, kadar kekosongan ruang pejabat dan kompleks beli-belah terus merosot (S1 2018: masing-masing 17.2% dan 19.8%; 2017: masing-masing 16.7% dan 18.7%). Meskipun kadar sewa keseluruhan pada amnya tidak berubah, namun ada antara pemilik ruang pejabat yang terus menawarkan pelepasan sewa (sewa tidak perlu dibayar dalam suatu tempoh tertentu) untuk menarik minat penyewa.

Pembiayaan akhir bank untuk pembelian harta bukan kediaman meningkat 2.6% kepada RM216.5 bilion pada akhir bulan Jun 2018 (2017: 2.3% pada RM213.4 bilion). Jumlah ini mencakupi kira-kira 26% daripada dedahan bank kepada pasaran harta tanah atau 13.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul bank. Pembiayaan akhir untuk pembelian kedai mencakupi bahagian terbesar (40%), diikuti ruang pejabat dan kompleks beli-belah (23%).

Masih terdapat lebihan bekalan dalam segmen ruang pejabat dan kompleks beli-belah di pusat-pusat pekerjaan yang utama

Bank-bank terus mengambil sikap berhati-hati apabila memberikan pinjaman kepada segmen ruang pejabat dan kompleks beli-belah. Hal ini kerana terdapat lebihan bekalan yang agak besar dalam segmen ini (untuk maklumat terperinci mengenai keadaan lebihan bekalan, rujuk Buletin Suku Tahunan BNM Suku Ke-3 2017, Rencana 2 bertajuk 'Ketidakseimbangan dalam Pasaran Harta Tanah'). Susulan pengeluaran dokumen dasar Risiko Kredit yang muktamad oleh Bank Negara Malaysia pada bulan Januari 2018, bank-bank dijangka menggunakan kaedah penilaian yang lebih ketat bagi cadangan pembiayaan projek pembangunan harta tanah atau pembinaan yang baharu. Ini termasuk penilaian yang lebih mantap terhadap daya maju projek, kekukuhan kewangan pemaju harta tanah dan faktor berdasarkan lokasi seperti kesan pembangunan terhadap harta tanah di kawasan sekeliling. Berikutan itu, kadar kelulusan pinjaman bagi pembinaan serta pembelian ruang pejabat dan kompleks beli-belah juga lebih rendah, masing-masing pada 63.5% dan 69.5% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2018 (2017: masing-masing 72.5% dan 75.8%). Dedahan bank-bank kepada segmen ini adalah dalam bentuk pinjaman (termasuk pembiayaan akhir untuk pembelian ruang pejabat dan kompleks beli-belah, serta pembiayaan untuk pembinaan dan pembangunan harta bukan kediaman) serta pemegangan bon dan sukuk korporat yang pada amnya kekal stabil pada RM89 bilion. Dedahan ini masing-masing hanya mencakupi 5% dan 6.7% daripada jumlah pinjaman terkumpul bank dan pemegangan bon dan sukuk korporat. Kualiti aset dalam segmen ini juga kekal kukuh seperti dicerminkan oleh nisbah pinjaman terjejas yang tidak banyak berubah pada 1.6% pada akhir Jun 2018 (2017: 1.5%). Pada masa hadapan, keadaan bekalan berlebihan akan terus memberikan kesan terhadap segmen ruang pejabat dan kompleks beli-belah dalam jangka sederhana. Oleh itu, bank-bank perlu terus berhemat dalam pemberian pinjaman kepada segmen-segmen tersebut.

Bank-bank berdaya tahan untuk menghadapi kejutan teruk daripada pasaran harta tanah dan perkembangan dalam sektor-sektor yang berkaitan

Secara keseluruhan, nisbah pinjaman terjejas segmen harta bukan kediaman masih rendah pada 1.4% pada akhir Jun 2018 (2017: 1.2%). Kadar mungkir vintaj bagi pinjaman untuk pembelian harta bukan kediaman terus bertambah baik (Rajah 7). Bank-bank juga terus mempunyai penampan modal yang mencukupi untuk menyerap potensi kerugian akibat pembetulan harga harta tanah yang ketara dan potensi limpahannya kepada industri-industri lain yang sangat bergantung pada prestasi sektor harta tanah (untuk maklumat terperinci mengenai analisis sensitiviti, rujuk Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran Bank Negara Malaysia 2017, Bab 1, Rencana Maklumat bertajuk 'Bolehkah Bank Menyerap Potensi Kejutan daripada Sektor Harta Tanah? Suatu Analisis Sensitiviti').

Rajah 7: Pasaran Harta Tanah – Analisis Vintaj bagi Pinjaman Harta Bukan Kediaman dalam Sistem Perbankan

Kadar mungkir vintaj bagi pinjaman harta bukan kediaman yang diluluskan sejak 2007 bertambah baik



Nota: Data termasuk pinjaman terjejas yang dihapus kira oleh bank

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan kepada Sektor Perniagaan Terus Menyokong Pertumbuhan Pelaburan dalam Keadaan Keupayaan Membayar Balik Hutang yang Lebih Lemah

Pada akhir bulan Jun 2018, agregat hutang syarikat korporat bukan kewangan (non-financial corporations, NFC) meningkat pada kadar tahunan 7.2% kepada RM1,465 bilion atau 105.3% daripada KDNK (Rajah 8). Peningkatan ini mencerminkan kadar pertumbuhan pembiayaan yang lebih pesat kepada sektor pembinaan, perkilangan dan harta tanah. Sebahagian besar daripada peningkatan ini disebabkan oleh pertumbuhan peminjaman domestik sebanyak 6.7%, yang merupakan 73.6% daripada jumlah hutang NFC. Bon dan sukuk[7] terkumpul meningkat 14.1%, yang mencakupi 30% daripada jumlah hutang NFC. Pinjaman daripada bank dan institusi kewangan pembangunan (IKP) juga meningkat kepada 2.2% (Disember 2017: 1.3%), disebabkan terutamanya oleh pertambahan pinjaman sebanyak 4.6% kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Meskipun keadaan perniagaan semakin tidak menentu, khususnya pada suku kedua, tiada tanda-tanda bahawa pembiayaan kredit semakin diperketat secara meluas dalam kalangan bank. Kadar permohonan pinjaman perniagaan keseluruhan yang tidak diluluskan kekal stabil pada 16.3% (purata lima tahun: 16%), walaupun beberapa sektor yang mempunyai prospek risiko kredit yang lebih lemah seperti pembinaan, harta tanah serta perlombongan dan pengkuarian, mengalami kadar penolakan permohonan yang tinggi sedikit.

Jumlah hutang luar negeri korporat terkumpul meningkat 8.7% pada akhir bulan Jun 2018 (Disember 2017: -4.4%), didorong terutamanya oleh peminjaman baharu dalam sektor perkilangan, yang sebahagian besarnya untuk satu projek petrokimia yang mempunyai perlindungan nilai semula jadi iaitu daripada hasil eksport dalam mata wang asing. Jumlah hutang luar negeri korporat mencakupi 26.4% daripada jumlah hutang perniagaan atau 27.8% daripada KDNK (Disember 2017: masing-masing 25.3% dan 26.1%). Sebanyak 69% daripada hutang luar negeri adalah dalam denominasi USD lantas menimbulkan risiko tambahan disebabkan oleh nilai dolar AS yang semakin kukuh baru-baru ini. Walau bagaimanapun, analisis pada peringkat firma menunjukkan bahawa syarikat-syarikat ini mampu berhadapan dengan penyusutan ringgit yang teruk, dengan median nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR) dianggarkan menurun kepada 6.2 kali (prakejutan: 6.9 kali).

Namun demikian, sebahagian besar risiko terhadap keseluruhan kestabilan kewangan yang berpunca daripada hutang luar negeri korporat dapat dikurangkan. Kira-kira dua pertiga daripada hutang luar negeri korporat merupakan hutang jangka sederhana hingga panjang lantas mengehadkan

Rajah 8: Sektor Perniagaan – Nisbah Hutang Syarikat Korporat Bukan Kewangan kepada KDNK

Hutang lebih tinggi didorong oleh terbitan bon dan sukuk baharu



Sumber: Bank Negara Malaysia

[7] Bon dan sukuk korporat tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, institusi kewangan dan bukan pemastautin.

risiko pelanjutan (rollover risk). Pinjaman antara syarikat juga membentuk bahagian terbesar (30.4%) daripada hutang luar negeri korporat. Keadaan ini seterusnya mengurangkan risiko kerana terma pinjaman lebih fleksibel dan kadar diberikan secara konsesi. Langkah-langkah pengawalseliaan sedia ada[8] turut memberikan pengawalan tambahan terhadap peminjaman luar negeri yang bukan untuk tujuan produktif atau yang mendedahkan perniagaan kepada risiko yang berlebihan.

Prestasi kewangan secara keseluruhan kukuh, walaupun kelemahan dalam sektor tertentu mungkin berterusan

Secara keseluruhan, kedudukan kewangan syarikat Malaysia[9] kekal kukuh pada separuh pertama tahun 2018, walaupun terdapat keadaan ketidakpastian sebelum PRU14. Pada bulan Jun 2018, agregat leveraj[10] NFC Malaysia meningkat kepada 50.4% (2017: 47%), didorong terutamanya oleh sektor perkilangan. Keupayaan membayar balik hutang[11] adalah lebih rendah pada 8.2 kali (2017: 9.1 kali), namun jauh melebihi tahap ambang kehematan dua kali. Hal ini berikutan prestasi perolehan yang secara relatif lemah bagi kebanyakan sektor perniagaan. Kedudukan mudah tunai syarikat, seperti yang diukur oleh median nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (cash-to-short-term debt, CASTD), stabil pada 1.5 kali, melebihi tahap ambang kehematan satu kali. Nisbah pinjaman terjejas dan delinkuen hampir tidak berubah, masing-masing pada 2.6% dan 0.3% (Rajah 9).

Syarikat dalam sektor berkaitan minyak & gas (oil & gas, O&G) dan harta tanah terus menghadapi rintangan. Walaupun harga minyak menunjukkan trend yang meningkat, perbelanjaan modal oleh syarikat pengeluar minyak utama masih lagi rendah, dengan pemberian kontrak kepada penyedia perkhidmatan O&G kekal rendah. Kelemahan struktur dalam segmen penggerudian, perkapalan dan fabrikasi juga dijangka berterusan dalam tempoh masa terdekat. Median ICR untuk sektor tersebut merosot pada separuh pertama tahun 2018 kepada 1.5 kali (2017: 2.5 kali), didorong terutamanya oleh prestasi perolehan yang lebih lembap bagi syarikat dalam segmen fabrikasi dan segmen kapal pengapungan, produksi, penyimpanan dan penghantaran (floating production, storage and offloading) yang lebih lemah (Rajah 10). Kedudukan mudah tunai syarikat dalam sektor tersebut juga terus lemah dengan median nisbah CASTD pada 0.5 kali (2017: 0.5 kali). Walau bagaimanapun,

Rajah 9: Sektor Perniagaan – Pinjaman Terjejas Kasar dan Pinjaman Delinkuen Kasar



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 10: Sektor Perniagaan – Penunjuk Mudah Tunai dan Keupayaan Membayar Balik Hutang bagi Sektor Terpilih



* Dua belas bulan berakhir Jun 2018
Nota: Ambang kehematan bagi nisbah perlindungan faedah dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek masing-masing adalah dua kali dan satu kali

Sumber: Bloomberg dan anggaran Bank Negara Malaysia

[8] Syarikat perlu mendapatkan kelulusan Bank Negara Malaysia untuk peminjaman dalam mata wang asing dalam jumlah agregat melebihi nilai bersamaan RM100 juta daripada institusi kewangan bukan pemastautin, syarikat tujuan khas dan entiti lain yang tidak berkaitan. Syarikat perlu menunjukkan keupayaan membayar balik hutang yang sewajarnya daripada aliran hasil dalam mata wang asing atau melalui penggunaan derivatif kewangan untuk melindungi nilai terhadap risiko mata wang. Peminjaman juga hendaklah untuk tujuan yang produktif.

[9] Berdasarkan data kewangan 120 syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia, yang mencakupi sektor utama ekonomi dan kira-kira 85% daripada permodalan pasaran.

[10] Diukur oleh median nisbah hutang kepada ekuiti.

[11] Diukur oleh median nisbah perlindungan faedah (ICR) berdasarkan data untuk tempoh dua belas bulan berakhir Jun 2018.

kebanyakan syarikat O&G, terutamanya dalam segmen huluan, telah merasionalisasi hutang mereka. Keadaan ini dicerminkan oleh median nisbah leveraj yang lebih rendah pada 46.5% (2017: 56.7%). Dedahan institusi kewangan kepada sektor berkaitan O&G masih kecil. Dedahan bank (termasuk dedahan dalam dan luar kunci kira-kira, serta dedahan menerusi operasi bank domestik di luar negeri dan Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (Labuan International Business and Financial Centre, LIBFC)) kepada syarikat dalam sektor berkaitan O&G mencakupi kira-kira 6% dan 19% masing-masing daripada jumlah dedahan kepada perniagaan dan jumlah modal, dengan sebahagian besar daripada potensi kerugian kredit telah diperuntukkan oleh bank.

Dalam sektor harta tanah, prestasi jualan yang lembap dalam pasaran utama terus menjejaskan perolehan perniagaan. Keupayaan pemaju harta tanah untuk membayar balik hutang kekal stabil dengan median ICR pada 6.5 kali pada separuh pertama tahun 2018 (2017: 6.6 kali). Kedudukan mudah tunai pemaju harta tanah juga menurun sedikit kepada 0.7 kali (2017: 0.9 kali). Walau bagaimanapun, prestasi perniagaan pada masa akan datang seharusnya disokong oleh permintaan yang kukuh dalam segmen rumah mampu milik serta langkah pemaju harta tanah mempergiat usaha untuk menjual stok bekalan yang sedia ada dan mengkaji semula strategi pembangunan baharu mereka. Kajian semula terhadap projek infrastruktur mega oleh kerajaan baharu juga telah memberikan kesan kepada beberapa perniagaan pembinaan dan pembangunan harta tanah. Namun begitu, dedahan institusi kewangan kepada perniagaan yang terjejas masih kecil, iaitu sebanyak 3.5% daripada jumlah pemberian pinjaman perniagaan dan pemegangan instrumen hutang korporat.

Dedahan institusi kewangan kepada kumpulan peminjam besar[12] menurun kepada 41.1% (Disember 2017: 42.2%) daripada dedahan kepada sektor perniagaan pada akhir bulan Jun 2018.

Meskipun CASTD peminjam besar menurun kepada 0.9 kali (2017: 1 kali), mereka masih berupaya membayar balik hutang berikutan median ICR pada 6.5 kali, melebihi ambang kehematan (2017: 7.2 kali). Dedahan kredit institusi kewangan kepada kumpulan peminjam besar yang lebih lemah dengan ICR yang kurang daripada dua kali, menurun kepada 5.0% (Disember 2017: 5.2%) daripada jumlah dedahan perniagaan bagi bank dan IKP, serta 0.8% (Disember 2017: 1.1%) daripada jumlah dedahan perniagaan bagi penanggung insurans dan pengendali takaful. Dedahan ini kebanyakannya adalah kepada peminjam dalam sektor O&G.

Kebanyakan kumpulan peminjam besar dijangka terus berupaya membayar balik hutang sekiranya berlaku kemerosotan keuntungan yang teruk, ringgit menyusut nilai dengan ketara dan kos peminjaman lebih tinggi. Melalui simulasi senario kejutan yang teruk (iaitu ringgit menyusut nilai sehingga 30%, keuntungan operasi merosot 50% serta kos peminjaman ringgit dan mata wang asing masing-masing meningkat 50 dan 200 mata asas), potensi kerugian kredit kumulatif akibat dedahan kepada kumpulan peminjam besar dijangka masih lagi boleh ditampung oleh penampan modal lebihan bank. Pada masa ini, penampan tersebut adalah kira-kira tiga kali anggaran potensi kerugian kredit.

Bagi separuh kedua tahun 2018, pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (Sales and Services Tax, SST) mulai bulan September mungkin memberikan kesan sementara terhadap prestasi jualan sektor perkhidmatan dan perkilangan, apabila pengguna membuat penyesuaian dalam corak perbelanjaan mereka. Walau bagaimanapun, PKS boleh mendapat manfaat daripada aliran wang tunai yang lebih baik bawah rejim percukaian baharu. Prestasi perniagaan syarikat dalam sektor pertanian dan O&G juga mungkin terjejas akibat gangguan bekalan, yang dijangka berlarutan sehingga akhir tahun 2018. Namun demikian, perolehan perniagaan bagi kebanyakan sektor lain akan disokong oleh sentimen pengguna dan perniagaan yang terus positif, perbelanjaan runcit yang lebih giat dalam tempoh bebas cukai, dan juga keadaan permintaan yang menggalakkan serta pasaran pekerja yang stabil.

[12] Kumpulan peminjam NFC besar mewakili syarikat yang mempunyai agregat dedahan kredit (termasuk pembiayaan langsung dan pemegangan bon dan sukuk korporat) melebihi RM1 bilion dengan institusi kewangan Malaysia.

RISIKO PASARAN

Pasaran Kewangan Domestik Kekal dalam Keadaan Teratur walaupun Tekanan Pasaran Meningkat

Keadaan pasaran kewangan kekal teratur meskipun terdapat volatiliti yang ketara pada separuh pertama tahun 2018. Penunjuk tekanan pasaran kewangan seperti yang dipaparkan oleh Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (Financial Market Stress Index, FMSI) terus meningkat (Jun 2018: 11.7%; Disember 2017: 8.3%) (Rajah 11). Pada awal tahun 2018, sentimen pelabur terhadap rantau ini, termasuk Malaysia, telah dipengaruhi oleh perkembangan luaran termasuk ketidakpastian mengenai langkah pengembalian semula dasar monetari Amerika Syarikat (AS) ke tahap yang wajar, ketegangan perdagangan yang semakin meningkat antara negara ekonomi utama dan peningkatan risiko geopolitik. Di dalam negeri, ketidakpastian mengenai dasar-dasar yang akan dilaksanakan selepas keputusan pilihan raya umum Malaysia yang ke-14 (PRU14) juga menyumbang kepada volatiliti pasaran yang ketara.

Pada separuh pertama tahun 2018, jumlah pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM40.9 bilion (Rajah 12). Daripada jumlah ini, aliran keluar bersih pelaburan portfolio bukan pemastautin adalah sebanyak RM29.3 bilion. Sementara itu, pelaburan portfolio pelabur pemastautin di luar negeri telah menyebabkan aliran keluar bersih sebanyak RM11.6 bilion (Separuh Kedua Tahun (ST2) 2017: aliran keluar bersih sebanyak RM4.6 bilion).

Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) bagi tempoh matang tiga sehingga sepuluh tahun meningkat antara 17 hingga 32 mata asas pada separuh pertama tahun 2018. Peningkatan ini adalah sejajar dengan kenaikan kadar hasil bon perbendaharaan AS (Rajah 13). Aliran keluar bukan pemastautin dalam jumlah yang agak besar daripada pasaran bon kerajaan Malaysia telah menyebabkan pemegangan bon kerajaan terkumpul pihak ini lebih rendah pada 23.7% (Disember 2017: 27.7%) pada akhir bulan Jun 2018. Mudah tunai pasaran Sekuriti Kerajaan Malaysia kekal utuh seperti yang ditunjukkan oleh purata spread bida-tawar yang stabil pada 0.1% daripada harga pertengahan (ST2 2017: 0.1%). Penyertaan aktif pelabur institusi domestik, termasuk institusi kewangan, terus memberikan sokongan dan mudah tunai kepada pasaran kewangan domestik sekali gus menyumbang kepada keadaan pasaran yang teratur. Dalam tempoh itu juga, pelabur domestik menambah pemegangan bon kerajaan mereka sebanyak RM53.4 bilion. Bahagian pelabur bukan pemastautin tetap dan jangka panjang yang lebih tinggi dalam pasaran bon kerajaan juga menyumbang kepada keadaan pasaran yang lebih stabil (Rajah 14).

Dalam pasaran ekuiti, FBM KLCI melonjak ke tahap tertinggi yang pernah dicapai, iaitu 1,895.2 mata pada bulan April sebelum PRU14. Namun, indeks ini merosot kepada 1,691.5 mata pada akhir bulan Jun berikutan beberapa faktor luaran yang turut menjejaskan pasaran serantau secara keseluruhan (ST1 2018: -5.9%) (Rajah 15). Aliran keluar bersih bukan pemastautin daripada pasaran ekuiti Malaysia berjumlah RM6.8 bilion. Pada separuh pertama tahun 2018, impak daripada tindakan pelabur asing keluar daripada pasaran ekuiti telah diimbangi oleh penyertaan yang lebih banyak oleh pelabur institusi domestik yang melabur sebanyak RM6.3 bilion, berikutan penilaian yang lebih menguntungkan. Mudah tunai dalam pasaran ekuiti kekal utuh, dengan purata spread bida-tawar yang stabil pada 0.4% daripada harga pertengahan (ST2 2017: 0.4%). Nisbah harga kepada perolehan FBM KLCI ialah 17.4 kali (purata tahunan 2000 hingga 2017: 16.8 kali).

Berbeza dengan kebanyakan mata wang serantau, nilai ringgit meningkat berbanding dengan dolar AS sebanyak 5.3% sejak akhir tahun 2017 sehingga bulan Mac 2018, sebelum mengakhiri separuh pertama tahun 2018 pada RM4.0385 berbanding dolar AS (peningkatan nilai sebanyak 0.6% bagi separuh pertama tahun 2018) (Rajah 16). Pasaran mata wang mencatat jumlah transaksi pertukaran asing purata harian yang kukuh sebanyak USD11.7 bilion (purata ST2 2017: USD10.1 bilion) hasil keberkesanan langkah-langkah yang diperkenalkan pada akhir tahun 2016 untuk mengimbangi semula permintaan dan penawaran ringgit sejajar dengan aktiviti ekonomi. Purata harian spread bida-tawar USD/RM mencatat kenaikan sedikit kepada 38 pip (ST2 2017: 32 pip).

Pada masa hadapan, mata wang serantau, termasuk ringgit, akan terus dipengaruhi oleh perkembangan di luar negeri, terutamanya pengukuhan nilai dolar AS secara keseluruhan.

Institusi kewangan terus aktif mengurus dedahan risiko pasaran

Pengurusan risiko dan perlindungan nilai secara aktif oleh bank-bank terus membendung dedahan risiko pasaran ke tahap yang terurus, dan kekal pada tahap berhemat bagi nilai berisiko (value-at-risk) dan kerugian yang mampu ditampung oleh setiap bank. Kedudukan terbuka bersih pertukaran asing bank-bank hanya mencakupi 5.2% daripada jumlah modal (Disember 2017: 6.1%; purata tahunan 2014 hingga 2017: 6.2% daripada jumlah modal). Risiko kadar faedah dalam akaun dagangan dan risiko ekuiti juga terus rendah, masing-masing pada 1.2% dan 0.7% (Disember 2017: masing-masing 1% dan 1.9%) daripada jumlah modal. Risiko kadar faedah dalam akaun perbankan meningkat kepada 4.2% daripada jumlah modal (Disember 2017: 3.7%). Hal ini berikutan langkah bank meningkatkan pemegangan bon kerajaan dengan tempoh matang yang panjang.

Penanggung insurans dan pengendali takaful juga terus aktif mengurus dedahan risiko pasaran mereka dan pada masa yang sama meneruskan amalan pengambilan risiko yang berhemat. Pemegangan ekuiti kekal stabil sebelum PRU14 iaitu sebanyak 12.9% daripada jumlah aset (Disember 2017: 13%) sebelum menyusut kepada 11.7%. Penyusutan ini berpunca daripada prestasi pasaran ekuiti yang lebih lemah selepas pilihan raya. Seiring dengan itu, modal yang diperuntukkan untuk risiko ekuiti menurun kepada 8.1% daripada jumlah modal sedia ada (Disember 2017: 9.1%). Ini seterusnya menyumbang kepada penurunan caj risiko modal pasaran pada kadar 14.1% daripada jumlah modal sedia ada (Disember 2017: 15.4%). Risiko kadar faedah juga menurun kepada 2.5% daripada jumlah modal sedia ada (Disember 2017: 3%), apabila kadar hasil pasaran meningkat.

Rajah 11: Pasaran Kewangan – Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)

Tekanan pasaran keseluruhan meningkat pada separuh pertama tahun 2018



Rajah 12: Pasaran Kewangan – Aliran Portfolio Bersih dan Kasar serta Pergerakan Kadar Pertukaran Ringgit

Aliran masuk portfolio bertukar arah terutamanya pada suku kedua 2018



Rajah 13: Pasaran Kewangan – Kadar Hasil MGS, Kadar Hasil Bon Korporat dan Aliran Portfolio Bersih Suku Tahunan

Kadar hasil MGS semakin meningkat sebahagiannya didorong kadar hasil perbendaharaan AS yang lebih tinggi



Rajah 14: Pasaran Kewangan – Pengagihan Pemegangan Bon Kerajaan oleh Bukan Pemastautin

Peratusan pelabur bukan pemastautin jangka panjang yang lebih tinggi menyumbang kepada kestabilan pasaran



Rajah 15: Pasaran Kewangan – Prestasi Pasaran Ekuiti Serantau

FBM KLCI mengalami penjualan yang ketara, dengan prestasi seiring dengan pasaran serantau



Rajah 16: Pasaran Kewangan – Prestasi Mata Wang Serantau berbanding Dolar AS

Kebanyakan mata wang serantau menyusut nilai berbanding dolar AS, kecuali ringgit



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bloomberg, Reuters dan Jabatan Perangkaan Malaysia

RISIKO MUDAH TUNAI DAN PENDANAAN

Sistem Perbankan Kekal dalam Keadaan Mudah Tunai yang Mencukupi untuk Memenuhi Keperluan

Keadaan mudah tunai dan pendanaan masih lagi kondusif untuk menyokong pengantaraan kewangan sepanjang separuh pertama tahun 2018 meskipun keadaan turun naik pasaran meningkat pada suku kedua 2018. Mudah tunai sistem perbankan yang terdiri daripada penempatan deposit, repo berbalik dan rizab berkanun di Bank Negara Malaysia adalah lebih daripada mencukupi (Jun 2018: RM156.2 bilion; Disember 2017: RM176.2 bilion) untuk memenuhi keperluan mudah tunai bank. Struktur pendanaan sistem perbankan kekal tidak berubah, dengan deposit mencakupi bahagian terbesar daripada jumlah ekuiti dan liabiliti bank (69%) (Rajah 17).

Kadar pertumbuhan deposit bank terus meningkat (Jun 2018: 5.1%; Disember 2017: 4.1%). Pertumbuhan ini sebahagiannya disumbangkan oleh deposit individu yang meningkat dengan kadar yang lebih tinggi pada 5.4% (Disember 2017: 3.9%). Namun, trend pertumbuhan terkini menunjukkan deposit individu masih rendah berbanding dengan trend pertumbuhan awal dekad ini. Keadaan ini sebahagiannya disebabkan oleh sebilangan individu yang memilih untuk melabur dalam aset yang menjana kadar hasil yang lebih tinggi seperti dana unit amanah dan ekuiti, dan juga faktor kos sara hidup yang meningkat. Deposit bukan pemastautin secara relatif stabil meskipun semasa tempoh aliran keluar portfolio yang ketara serta turun naik pasaran yang lebih nyata selepas PRU14. Deposit bukan pemastautin mencakupi kira-kira 4.7% daripada deposit sistem perbankan (akhir tahun 2017: 4.9%).

Bank-bank terus mempelbagaikan asas pendanaan mereka untuk mengurus ketidakpadanan antara tempoh matang dengan mata wang dengan lebih baik. Terbitan ekuiti dan sekuriti hutang bank bertambah 3.4% lantas mengatasi pertumbuhan aset sebanyak 3% pada akhir bulan Jun 2018. Dengan trend yang berterusan ini, nisbah pinjaman kepada dana

Rajah 17: Sistem Perbankan – Komposisi Deposit mengikut Penyimpan

Deposit isi rumah dan perniagaan mencakupi 73% daripada jumlah deposit bank



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 18: Sistem Perbankan – Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Basel III, Nisbah Pinjaman kepada Dana dan Nisbah Pinjaman kepada Dana dan Ekuiti

Mudah tunai sistem perbankan mencukupi untuk menyokong aktiviti pengantaraan kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

(loan-to-fund, LTF) dan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti (loan-to-fund-and-equity, LTFE) sistem perbankan yang mencakupi bahagian asas pendanaan bank yang lebih besar, masing-masing pada 83.9% dan 73.2% (akhir tahun 2017: masing-masing pada 83.9% dan 73.5%) (Rajah 18). Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR) Basel III peringkat industri adalah pada 139.3%, sekali gus menyediakan penampan mudah tunai yang selesa untuk menghadapi apa-apa kejutan

Rajah 19: Pasaran Kewangan – Spread Kadar Hasil Tersirat Dolar AS Melebihi Libor dan Spread Swap Asas Mata Wang Bersilang (CCBS) USD/RM 5 tahun

Keadaan mudah tunai dolar AS dalam negeri menjadi ketat pada ST1 2018



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

pendanaan yang berterusan sehingga tempoh 30 hari. Kesemua bank terus mencatat tahap LCR yang melebihi keperluan minimum pengawalseliaan peralihan kepada 90% bagi tahun 2018.

Kos pendanaan bank meningkat pada bulan Februari 2018 berikutan kenaikan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 25 mata pada bulan Januari 2018. Namun, sejak itu kos pendanaan kekal stabil. Kos deposit purata ialah 2.60% (akhir Februari 2018: 2.53%; akhir tahun 2017: 2.51%), manakala Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) untuk tiga bulan terus stabil pada 3.69% (akhir Februari 2018: 3.69%; akhir tahun 2017: 3.44%). Pada separuh pertama tahun 2018, keadaan mudah tunai USD dalam negeri menjadi ketat serentak dengan langkah pengembalian dasar monetari AS ke tahap yang wajar dan ketegangan perdagangan antara AS dengan Republik Rakyat China. Spread mudah tunai USD dalam negeri jangka pendek, seperti dicerminkan oleh spread kadar hasil tersirat USD yang melebihi Kadar Antara Bank London Ditawarkan (London Interbank Offered Rate, LIBOR), meningkat kepada 64 mata asas (2017: 55 mata asas). Sementara itu, spread swap asas mata wang bersilang lima tahun, yang mencerminkan spread mudah tunai USD jangka panjang, meningkat kepada 60 mata asas (2017: 25 mata asas) (Rajah 19). Risiko berikutan langkah pengetatan selanjutnya terhadap mudah tunai USD dijangka terus dihadapi pada separuh kedua tahun 2018. Hal ini adalah berdasarkan andaian bahawa ketegangan perdagangan akan semakin meningkat atau perbezaan kadar hasil Perbendaharaan AS dan bon negara lain terus mengecil.

Sistem perbankan kekal sebagai peminjam mata wang asing bersih dalam pasaran antara bank (RM32.1 bilion atau 8.9% daripada liabiliti mata wang asing). Hal ini sebahagian besarnya mencerminkan penempatan antara bank oleh entiti induk bank asing yang diperbadankan di Malaysia (locally-incorporated foreign banks, LIFB) yang merupakan sebahagian daripada strategi pengurusan mudah tunai bagi seluruh kumpulan. Meskipun jumlah penempatan oleh entiti induk melalui pasaran antara bank lebih tinggi, sumber utama pendanaan mata wang asing adalah daripada deposit pelanggan dan peminjaman mata wang asing jangka panjang. Kedua-dua sumber utama ini mencakupi 47.6% daripada jumlah liabiliti mata wang asing dan mencukupi untuk membiayai pinjaman jangka panjang bank dalam denominasi mata wang asing. Seiring dengan itu, nisbah LTF mata wang asing kekal rendah pada 65.2%.

RISIKO PENULARAN

Potensi Risiko dan Kejutan daripada Institusi Kewangan Bukan Bank Terhadap Sistem Kewangan Masih Terkawal

Risiko terhadap kestabilan kewangan domestik berikutan sifat kesalinghubungan antara institusi kewangan bukan bank (IKBB[13]) dengan sistem kewangan domestik pada amnya kekal tidak berubah (Rajah 20). Pelaburan[14] IKBB dalam ekuiti dan bon terus menjadi saluran utama pemindahan risiko penularan (contagion risk) kepada sektor kewangan. Secara agregat, pelaburan tersebut kekal tinggi pada 28.8% daripada jumlah permodalan pasaran ekuiti dan 40.5% daripada jumlah pasaran bon terkumpul (2017: masing-masing 27.5% dan 40.7%). IKBB juga merupakan pemegang utama saham bank, mencakupi 32.9% daripada jumlah permodalan pasaran kumpulan perbankan domestik (2017: 34.6%). IKBB terus memberikan sokongan dan menyediakan mudah tunai kepada pasaran kewangan domestik dalam

[13] Merujuk IKBB yang tidak dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
[14] Termasuk pelaburan yang diuruskan oleh pengurus dana luar.

Rajah 20: Kesalinghubungan IKBB dengan Sistem Kewangan

Tiada perubahan material kepada saluran dan magnitud kesalinghubungan IKBB dengan sistem kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, penyata kewangan yang diterbitkan dan anggaran dalaman

tempoh volatiliti pasaran yang meningkat pada separuh pertama tahun 2018. Disebabkan oleh tempoh pelaburan IKBB yang berjangka sederhana dan panjang, risiko terhadap keuntungan masih terkawal, meskipun terdapat impak ke atas kadar pertumbuhan keuntungan yang disebabkan pulangan ekuiti yang lebih rendah berikutan prestasi pasaran yang lebih lemah pada bulan Mei dan Jun 2018.

IKBB terus menggembleng sebahagian besar daripada deposit dan caruman berkanun isi rumah, membentuk sebanyak 52% daripada aset kewangan isi rumah (2017: 52.6%). Risiko pengeluaran yang dihadapi oleh IKBB yang besar dapat dikurangkan menerusi pemegangan aset mudah tunai yang tinggi dalam bentuk tunai, penempatan deposit dan sekuriti kerajaan. Secara keseluruhan, IKBB memegang aset mudah tunai dalam lingkungan 18% hingga 32% daripada jumlah aset setiap IKBB untuk memenuhi kemungkinan pengeluaran.

Dedahan kredit langsung bank dan penanggung insurans (termasuk pengendali takaful) kepada IKBB melalui pemegangan sekuriti IKBB, pemberian pinjaman bank kepada IKBB dan dedahan derivatif, tidak banyak berubah. Pembiayaan IKBB kepada isi rumah sebagai sebahagian daripada keseluruhan hutang isi rumah menunjukkan penurunan yang ketara berikutan penggabungan sebuah IKBB dengan sebuah bank berlesen. Ini membawa IKBB tersebut di bawah bidang pengawalseliaan Bank.

Risiko Penularan Akibat Dedahan Luaran Bank dan Penanggung Insurans Masih Terurus

Pada akhir bulan Jun 2018, liabiliti luar negeri bersih bank-bank Malaysia meningkat kepada RM195.6 bilion. Tidak termasuk bank-bank yang beroperasi di Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (LIBFC), liabiliti luar negeri bank dalam pesisir[15] meningkat 8% kepada RM331.9 bilion (Disember 2017: RM307.2 bilion). Peningkatan ini mencerminkan langkah berjaga-jaga yang diambil oleh beberapa kumpulan perbankan domestik (domestic banking groups, DBGs) yang bertujuan untuk memperkukuh penampan mudah tunai mata wang asing (foreign currency, FCY) mereka melalui peminjaman antara bank. Peminjaman antara bank yang meningkat didorong sebahagiannya oleh penambahan penempatan oleh bank asing dalam subsidiari perbankan mereka di Malaysia. Peminjaman ini disalurkan terutamanya untuk pemberian pinjaman FCY dalam pasaran antara bank domestik serta pelaburan jangka pendek. Liabiliti luaran bank LIBFC juga meningkat 17.7% kepada RM156.3 bilion (Disember 2017: RM132.8 bilion). Peningkatan ini sebahagian besarnya mencerminkan penempatan oleh entiti yang berkaitan untuk membiayai aktiviti pengantaraan FCY. Risiko mudah

[15] Merujuk kumpulan perbankan domestik dan bank asing yang diperbadankan di Malaysia.

tunai dan pendanaan adalah terhad kepada bank LIBFC. Hal ini memandangkan sebahagian besar daripada peminjaman ini adalah daripada pihak-pihak berkaitan dan bersifat 'satu persatu' (back-to-back)[16]. Seiring dengan perkara itu, hutang luar negeri bank[17] meningkat kepada RM353.2 bilion (Disember 2017: RM312.1 bilion) dan merupakan 72% daripada jumlah liabiliti luaran. Jumlah aset luar negeri pula lebih tinggi sebanyak RM292.6 bilion (Disember 2017: RM257 bilion).

Dalam kalangan bank dalam pesisir, tiada tanda-tanda pergantungan yang berlebihan terhadap pendanaan luaran dan mata wang bersilang. Operasi domestik bank Malaysia terus dibiayai terutamanya oleh sumber pendanaan domestik dalam denominasi ringgit. Hutang luar negeri oleh bank dalam pesisir membentuk kurang 8% daripada jumlah liabiliti sistem perbankan, manakala pendeposit bukan pemastautin hanya mencakupi 4.7% daripada jumlah deposit sistem perbankan. Bagi menyokong aktiviti pemberian pinjaman FCY mereka, bank dalam pesisir banyak bergantung pada sumber pendanaan FCY yang stabil, seperti deposit pelanggan dan peminjaman jangka sederhana hingga panjang, yang kira-kira separuh daripadanya diperoleh daripada sumber tempatan. Hasilnya, nisbah LTF FCY meningkat kepada 65.2% (2017: 61.7%).

Peningkatan Dedahan Luar Negeri Bank-bank Mencerminkan Amalan Pendanaan dan Pengurusan Mudah Tunai yang Proaktif

Dari segi struktur, profil dan aktiviti dedahan luar negeri bank-bank Malaysia secara relatif tidak berubah dan terus membantu pengendalian risiko pendanaan, mudah tunai dan pasaran yang terurus (Rajah 21, 22 dan 23). Dana modal LIFB yang kekal di Malaysia merupakan 11.7% daripada liabiliti luar negeri keseluruhan. Sebanyak 42.2% daripada hutang luar negeri merupakan peminjaman antara bank daripada rakan niaga yang berkaitan (iaitu penempatan dalam kumpulan), yang tidak mudah terjejas oleh kejutan pengeluaran jika berlaku secara tiba-tiba. Bahagian penempatan dalam kumpulan yang agak besar ini mencerminkan terutamanya pengumpulan dan pengagihan semula lebihan mudah tunai dalam kalangan entiti yang berkaitan dalam DBG yang bergiat aktif di rantau ini dan LIFB yang merupakan sebahagian daripada kumpulan perbankan global. Peraturan mudah tunai tempatan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa kewangan terhadap entiti dalam setiap kumpulan terus mengurangkan risiko mudah tunai. Sekuriti hutang jangka sederhana hingga panjang yang diterbitkan oleh DBG untuk memenuhi keperluan modal dan mudah tunai merupakan 10.1% daripada hutang luar negeri. Sebanyak 16.2% daripada hutang luar negeri bank adalah dalam denominasi ringgit dengan sebahagian besar daripadanya ialah deposit bukan pemastautin. Oleh yang demikian, hutang tersebut tidak dipengaruhi oleh perubahan dalam penilaian akibat volatiliti kadar pertukaran ringgit (Rajah 24).

Bank-bank Malaysia kekal berhemat dalam pengurusan ketidakpadanan tempoh matang dan mata wang. Bank-bank memegang sejumlah besar aset mudah tunai FCY yang boleh digunakan untuk memenuhi obligasi luarannya tanpa perlu membuat tuntutan atas rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia. Jumlah aset mudah tunai FCY bank adalah sebanyak RM90.2 bilion dan ini terdiri daripada wang tunai dan setara tunai, penempatan jangka pendek antara bank serta pemegangan sekuriti hutang. Hal ini sekali gus mengukuhkan kemampuan mereka untuk mengurangkan impak potensi kejutan mudah tunai FCY jangka pendek. Dalam pasaran pendanaan borong, dengan mengambil kira kedudukan swap mata wang bersilang, bank-bank juga telah mengekalkan kedudukan aset FCY bersih mereka yang berjumlah RM29.9 bilion dengan peminjaman FCY antara bank pada amnya didapati sepadan dengan aset FCY dari segi amaun, mata wang dan tempoh matang.

Sebagai sebahagian daripada amalan pengurusan mudah tunai yang berkesan, bank-bank juga dikehendaki memantau dan melaporkan keperluan mudah tunai dalam mata-mata wang utama, termasuk USD dan SGD, secara berterusan dan mempunyai rancangan luar jangka sedia ada untuk memenuhi obligasi FCY. Langkah ini disokong seterusnya oleh (i) ujian tekanan secara berkala terhadap pelbagai mata wang dan profil kematangan; dan (ii) pematuhan had

[16] Pendanaan yang diterima daripada pejabat yang berkaitan lazimnya sepadan dengan pembiayaan yang diberikan dari segi jumlah, mata wang dan tempoh.

[17] Hutang luar negeri merujuk semua liabiliti luar negeri yang menghendaki pembayaran prinsipal dan/atau faedah. Selain hutang luar negeri, liabiliti luar negeri terdiri daripada (i) sekuriti amanah yang dipegang bagi pihak pelanggan bukan pemastautin, (ii) dana modal yang dikekalkan oleh NR dalam bank pemastautin, terutamanya untuk LIFB dan (iii) baki derivatif kewangan.

Rajah 21: Sistem Perbankan – Aset dan Liabiliti Luaran

Dedahan luar sistem perbankan mencerminkan pengurusan mudah tunai berpusat dan kehadiran bank asing yang kukuh di Malaysia

Aset Luaran

Jun '18: RM292.6 bilion



Liabiliti Luaran

Jun '18: RM488.1 bilion



Antara bank | Deposit & nostro | Dana modal | Pinjaman | Sekuriti dipegang bagi pihak pelanggan | Sekuriti hutang | Sekuriti ekuiti | Lain-lain

Nota: Dedahan luaran terdiri daripada dedahan dalam dan luar penyata kewangan

Rajah 22: Sistem Perbankan – Aset dan Liabiliti Luaran LIFB

Dana modal dan sekuriti dipegang bagi pihak pelanggan membentuk sebahagian besar liabiliti luaran LIFB

Aset Luaran

Jun '18: RM44.9 bilion



Liabiliti Luaran

Jun '18: RM182.2 bilion



Antara bank | Deposit & nostro | Dana modal | Pinjaman | Sekuriti dipegang bagi pihak pelanggan | Sekuriti hutang | Lain-lain

Nota: Sistem perbankan termasuk entiti yang beroperasi di LIBFC
Dedahan luar terdiri daripada dedahan dalam dan luar penyata kewangan
Liabiliti luaran = Hutang luar negeri (antara bank + deposit & nostro + pinjaman + sekuriti hutang) + dana modal + sekuriti dipegang bagi pihak pelanggan + lain-lain

Rajah 23: Sistem Perbankan – Aset dan Liabiliti Luaran DBG

Dana modal dan penempatan antara bank dengan pejabat yang berkaitan di luar negeri membentuk sebahagian besar aset luaran DBG

Aset Luaran

Jun '18: RM133.4 bilion



Liabiliti Luaran

Jun '18: RM149.7 bilion



Antara bank | Deposit & nostro | Dana modal | Pinjaman | Sekuriti dipegang bagi pihak pelanggan | Sekuriti hutang | Sekuriti ekuiti | Lain-lain

Nota: Dedahan luar terdiri daripada dedahan dalam dan luar penyata kewangan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 24: Sistem Perbankan – Aset dan Liabiliti Luaran Mengikut Mata Wang

Sebahagian besar liabiliti luaran adalah dalam denominasi Ringgit Malaysia



Nota: Angka dalam kurungan menunjukkan jumlah hutang luar negeri
Sumber: Bank Negara Malaysia

dalaman berhemat bagi peminjaman antara bank, kedudukan pendanaan FCY dan mudah tunai FCY serta dedahan risiko pasaran FCY. Pada peringkat sistem, kedudukan terbuka bersih pertukaran asing (FX) bank kekal rendah dan stabil pada kadar 5.2% daripada jumlah modal. Daripada jumlah ini, kedudukan terbuka bersih USD dan SGD masing-masing pada 3.7% dan 0.7% daripada jumlah modal. Ujian tekanan makro yang dijalankan oleh Bank terus mengesahkan daya tahan sistem perbankan terhadap pendanaan luar negeri dan kejutan mata wang, termasuk yang berkaitan dengan pengeluaran dana daripada rakan niaga bukan pemastautin (untuk maklumat lanjut, rujuk Rencana 'Ujian Tekanan Kesolvenan Berbilang Tahun Terhadap Bank dan Penanggung Insurans').

Tuntutan luar negeri oleh penanggung insurans (termasuk pengendali takaful) kebanyakannya adalah dalam bentuk dedahan insurans semula am. Pada separuh pertama tahun 2018, risiko tersid (risks ceded) oleh penanggung insurans am Malaysia kepada penanggung insurans atau penanggung insurans semula di luar negeri berjumlah RM1.6 bilion atau 15.7% daripada jumlah perniagaan yang diunderait. Pengaturan insurans semula terus didorong oleh segmen berisiko besar dan agak khusus seperti penerbangan, perniagaan berkaitan minyak luar pesisir, badan kapal marin dan kejuruteraan (Rajah 25), dengan risiko tersid terutamanya kepada penanggung insurans atau penanggung insurans semula di Jerman, Switzerland dan AS yang mempunyai kedudukan kredit yang teguh (Rajah 26). Oleh yang demikian, dedahan-dedahan tersebut telah mengehadkan risiko rakan

Rajah 25: Sektor Insurans dan Takaful Am – Nisbah Insurans Semula Tersid

Risiko utama yang tersid (ceded) adalah daripada segmen penerbangan, berkaitan minyak luar pesisir, kapal marin dan kejuruteraan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 26: Sektor Insurans dan Takaful Am – Dedahan Insurans Semula Asing mengikut Negara Utama

Dedahan insurans semula kebanyakannya pada Eropah dan AS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 27: Sektor Insurans dan Takaful – Dedahan Pelaburan Luar Negeri Mengikut Rantau

Dedahan pelaburan kebanyakannya dalam pasaran ekuiti Asia yang mudah ditunaikan



Sumber: Bank Negara Malaysia

niaga. Sementara itu, risiko tersid penanggung insurans hayat kekal kecil, pada kurang 5% daripada jumlah perniagaan yang diunderait. Pelaburan di luar negeri oleh penanggung insurans dan pengendali takaful Malaysia juga kekal kecil pada 4.1% daripada jumlah aset, dan kebanyakan daripadanya merupakan pemegangan ekuiti di Asia (Rajah 27).

Risiko daripada Operasi Luar Negeri Kumpulan Perbankan Domestik kepada Sistem Perbankan Malaysia Masih Terkawal

Jumlah aset subsidiari dan cawangan DBG di luar negeri (aset luar negeri) meningkat sedikit, iaitu sebanyak 2.1% kepada RM562.7 bilion pada akhir bulan Jun 2018 (Disember 2017: RM551 bilion). Kadar pertambahan aset yang semakin perlahan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kekukuhan prestasi ringgit berbanding dengan mata wang serantau pada suku pertama 2018[18]. Pada peringkat institusi, aset luar negeri mencakupi antara 6.8% hingga 33.7% daripada jumlah aset setiap DBG. Sebahagian besar daripada dedahan ini masih tertumpu di Singapura (49.9%) dan Indonesia (21.7%), yang jelas mempunyai kehadiran DBG yang nyata. Perniagaan utama operasi luar negeri DBG terus tertumpu pada aktiviti pemberian pinjaman dan pelaburan, yang kebanyakannya dibiayai oleh deposit mata wang tempatan, dengan pinjaman dan pemegangan sekuriti gred pelaburan masing-masing pada 62.3% dan 9% daripada aset luar negeri. Pinjaman yang diberikan melalui operasi luar negeri DBG sebahagian besarnya disalurkan kepada peminjam individu dan PKS, yang secara kumulatif membentuk 60.9% daripada jumlah dedahan pinjaman bagi operasi luar negeri (Rajah 28).

Secara agregat, operasi DBG di luar negeri menjana perolehan yang lebih baik pada separuh pertama tahun 2018. Peningkatan ini adalah hasil kualiti aset yang bertambah baik dan juga pertumbuhan ekonomi yang mampan. Perolehan terus dirangsang oleh usaha berterusan untuk meningkatkan kecekapan operasi. Oleh itu, keuntungan daripada operasi di luar Malaysia meningkat antara 0.8% hingga 28.2% daripada jumlah keuntungan kumpulan setiap DBG (Disember 2017: antara 1.2% hingga 23.5%).

Risiko kepada sistem perbankan domestik yang timbul daripada operasi luar negeri DBG dipantau dengan teliti mengikut rangka kerja penyeliaan bersepadu Bank. Daripada penilaian yang dibuat, risiko-risiko tersebut didapati rendah kerana terdapat penampan modal dan mudah tunai yang kukuh serta kualiti aset operasi luar negeri yang utuh (Rajah 29). Jumlah nisbah modal subsidiari utama DBG di luar negeri kekal tinggi dalam lingkungan 11% hingga 20.4% (Disember 2017: antara 9.9% hingga 17.6%). Risiko yang dikaitkan dengan pendanaan merentas sempadan dan ketidakpadanan mata wang adalah kecil. Hal ini

Rajah 28: Sistem Perbankan – Komposisi Pinjaman Operasi Luar Negeri Terpilih

Sebahagian besar pinjaman luar negeri diberi kepada individu dan PKS



Nota: Data pada akhir S2 2018

Sumber: Bank Negara Malaysia

[18] Tanpa mengambil kira kesan pertukaran FX, aset luar negeri DBG berkembang sebanyak 5.4%.

kerana deposit mata wang tempatan kekal sebagai sumber utama pendanaan bagi operasi di luar negeri. Pergantungan yang kecil pada sumber pendanaan borong turut melindungi bank-bank induk Malaysia daripada potensi kejutan mudah tunai jangka pendek yang boleh menjejaskan operasi luar negeri mereka. Subsidiari utama DBG di luar negeri juga mengekalkan nisbah perlindungan mudah tunai yang ditetapkan oleh Basel III yang jauh melebihi 100%.

Kualiti aset operasi luar negeri pada separuh pertama tahun 2018 secara keseluruhannya terus teguh, dengan median nisbah pinjaman terjejas kasar operasi utama luar negeri[19] bertambah baik kepada 2.3%. Bank-bank terus berwaspada dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurus kualiti dedahan kredit mereka di luar negeri. Yang jelas, bank-bank terus mengukuhkan piawaian pengunderaitan dan amalan peruntukan mereka serta mempergiat pemantauan terhadap akaun yang menunjukkan tanda-tanda bakal menghadapi masalah kewangan ekoran perkembangan pasaran kewangan sejak tempoh kebelakangan ini. Pemantauan ini turut dipertingkatkan oleh pengawasan yang lebih ketat terhadap proses kelulusan pinjaman serta pemantauan terhadap kualiti aset di ibu pejabat.

Rajah 29: Sistem Perbankan – Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama Operasi Luar Negeri Terpilih



Nota: Merujuk kepada median julat penunjuk kekukuhan kewangan utama operasi luar negeri terpilih

Sumber: Bank Negara Malaysia

[19] Merujuk 15 operasi DBG di luar negeri yang terbesar dari segi saiz aset, mewakili 93% daripada jumlah aset luar negeri.

SEKTOR PERBANKAN

Kedudukan Kewangan Sektor Perbankan Terus Kukuh

Tahap permodalan sektor perbankan[20] kekal kukuh sepanjang separuh pertama tahun 2018, dengan lebihan jumlah penampan modal sebanyak RM105.9 bilion yang melebihi tahap minimum pengawalseliaan[21] (Rajah 30). Sebahagian besar modal (74.9%) adalah dalam bentuk instrumen berkualiti tinggi yang berupaya menampung kerugian, seperti modal berbayar, perolehan tertahan dan rizab. Permodalan sistem perbankan juga diperkukuh oleh terbitan ekuiti baharu (Separuh Pertama (ST1) tahun 2018: RM9.1 bilion atau pertumbuhan 6.9% sejak bulan Disember 2017), yang membantu mengimbangi kesan pemansuhan instrumen modal Basel II di bawah pengaturan peralihan Basel III Bank Negara Malaysia serta peruntukan yang lebih tinggi mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9: Instrumen Kewangan (MFRS 9).

Bank-bank mempunyai permodalan yang kukuh dan keuntungan yang mampan

Sistem perbankan mencatat keuntungan yang kukuh dengan margin yang bertambah baik disebabkan oleh peningkatan kecekapan yang berterusan dan kualiti aset yang lebih baik. Pada separuh pertama tahun 2018, keuntungan sebelum cukai meningkat 12% kepada RM19.3 bilion berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu (ST1 2017: RM17.2 bilion). Pulangan tahunan atas aset dan ekuiti hampir tidak berubah, masing-masing pada 1.5% dan 13.3% (2017: masing-masing 1.5% dan 13%) (Rajah 31). Prestasi perolehan bank sebahagian besarnya didorong oleh pertumbuhan pendapatan yang mampan daripada aktiviti pembiayaan (5.1%), yang kekal sebagai komponen terbesar pendapatan kasar bank (66% daripada pendapatan kasar bank). Sementara itu, jumlah kos operasi meningkat dengan

[20] Terdiri daripada bank-bank konvensional, Islam dan pelaburan.

[21] Keperluan pengawalseliaan minimum dalam konteks ini mengambil kira keperluan penampan pengekalan modal tahun 2018 dan keperluan modal tambahan khusus buat bank.

Rajah 30: Nisbah Modal Sektor Perbankan

Bank-bank mengekalkan tahap permodalan yang kukuh



Nota: Keperluan minimum pengawalseliaan termasuk modal pemeliharaan penampan bagi tahun 2018 berjumlah 1.875% daripada aset berwajaran risiko

Sumber: Bank Negara Malaysia

Chart 31: Keberuntungan Sektor Perbankan

Keberuntungan perbankan semakin meningkat



Sumber: Bank Negara Malaysia

lebih perlahan (4.6%), disokong oleh perbelanjaan pentadbiran, pemasaran serta perbelanjaan am yang stabil (0.4%) berbanding dengan perbelanjaan pada separuh pertama tahun sebelumnya. Hal ini telah menyebabkan nisbah kos kepada pendapatan lebih rendah (ST1 2018: 43.9%; ST1 2017: 45.5%). Hasilnya, margin faedah/pembiayaan bank (ditolak peruntukan pinjaman terjejas dan kos operasi) naik sedikit kepada 0.72 mata peratusan (2017: 0.71 mata peratusan). Prestasi perolehan bank dijangka mampan berikutan usaha yang berterusan untuk meningkatkan kecekapan operasi.

Portfolio kredit bank terus teguh. Pada separuh pertama tahun 2018, pinjaman terjejas baharu menurun 5% berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu kepada RM10.9 bilion (ST1 2017: RM11.6 bilion). Oleh yang demikian, jumlah pinjaman terjejas (ditolak peruntukan pinjaman terjejas individu) berkurang sebanyak 10% kepada RM16 bilion atau 1% daripada jumlah pinjaman bersih (2017: RM17.8 bilion atau 1.1%). Jumlah peruntukan terkumpul bagi kerugian pinjaman meningkat kepada RM24.4 bilion atau 1.5% daripada jumlah pinjaman pada akhir bulan Jun 2018 (2017: RM20.1 bilion atau 1.3% daripada jumlah pinjaman). Hal ini berlaku berikutan pelaksanaan MFRS 9. Di bawah MFRS 9, bank-bank dikehendaki menggunakan pendekatan yang lebih berpandangan ke hadapan apabila membuat peruntukan dengan membuat anggaran jangkaan kerugian kredit mengikut suatu tempoh masa yang telah ditetapkan serta berdasarkan pelbagai jenis maklumat. Susulan itu, nisbah perlindungan kerugian pinjaman bank-bank bertambah baik kepada 94% daripada jumlah pinjaman terjejas (Disember 2017: 82.2%). Walaupun peruntukan lebih tinggi di bawah MFRS 9 dijangka mengurangkan perolehan bank-bank, magnitud impak tersebut akan kekal terurus. Ini kerana peningkatan peruntukan tersebut sebahagiannya telah ditampung oleh rizab pengawalseliaan bank-bank yang sedia ada.

SEKTOR INSURANS DAN TAKAFUL

Sektor Insurans dan Takaful Terus Berdaya Tahan dengan Kedudukan Modal dan Keuntungan yang Teguh

Sektor insurans dan takaful terus berdaya tahan dengan nisbah kecukupan modal (CAR) agregat pada 239.3% (Disember 2017: 233%). Nisbah ini jauh lebih tinggi daripada tahap minimum pengawalseliaan pada 130% (Rajah 32). Modal yang melebihi amaun minimum pengawalseliaan terus kukuh pada RM30 bilion. Modal yang dipegang bagi risiko insurans dan takaful, yang mengukur risiko terkurang membuat anggaran liabiliti insurans dan takaful, pengalaman tuntutan yang buruk, serta perbelanjaan[22] dan peluputan[23], terus membentuk komponen terbesar jumlah modal yang diperlukan (47% daripada jumlah modal yang diperlukan). Hal ini diikuti oleh pegangan modal untuk risiko pasaran dan kredit, masing-masing pada 34% dan 9.3% daripada jumlah modal yang diperlukan.

Kadar caj risiko insurans dan takaful sebahagian besarnya tidak banyak berubah, mencerminkan tahap rizab serta kepelbagaian perniagaan yang stabil. Dedahan risiko pasaran yang kebanyakannya terdiri daripada risiko ekuiti, menunjukkan trend yang menurun selaras dengan penilaian yang lebih rendah selepas PRU14 dan beberapa pelupusan ekuiti oleh penanggung insurans dan pengendali takaful bagi mengurus dedahan risiko pasaran mereka. Saham-saham cip biru[24] terus merupakan bahagian terbesar jumlah ekuiti yang dipegang, iaitu 49%. Dedahan risiko kredit dalam bentuk bon korporat yang dipegang dan tuntutan insurans semula terus stabil, dengan sebahagian besar daripada rakan niaga mengekalkan tahap penarafan kredit yang teguh dan prospek yang stabil. Sebanyak 91% daripada bon korporat yang dipegang oleh sektor ini masih dalam bentuk sekuriti dengan penarafan sekurang-kurangnya AA dan sekuriti jaminan kerajaan.

Sektor insurans dan takaful terus mencatat keuntungan walaupun prestasi pelaburan semakin lemah

Secara keseluruhan, keuntungan sektor insurans dan takaful pada separuh pertama tahun 2018 adalah lebih rendah sebanyak RM4.2 bilion berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu (ST1 2017: RM11.8 bilion). Lebihan pendapatan sektor insurans hayat dan takaful keluarga selepas ditolak perbelanjaan nyata lebih rendah pada RM2.9 bilion (ST1 2017: RM10.5 bilion), akibat jumlah kerugian bersih belum direalisasi bagi portfolio pelaburan yang besar sebanyak RM5 bilion (ST1 2017: keuntungan bersih belum direalisasi sebanyak RM3.6 bilion) (Rajah 33). Kerugian ini disebabkan terutamanya oleh pemegangan ekuiti dalam keadaan prestasi pasaran yang lemah pada

Rajah 32: Sektor Insurans dan Takaful – Nisbah Kecukupan Modal

Nisbah kecukupan modal (capital adequacy ratio, CAR) agregat kekal baik melebihi tahap pengawalseliaan minimum pada 130%



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 33: Sektor Insurans Hayat dan Takaful Keluarga – Komposisi Lebihan Pendapatan Berbanding Perbelanjaan

Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan yang lebih rendah hasil dorongan keuntungan tidak direalisasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

[22] Merujuk perbelanjaan yang dianggarkan sepanjang tempoh kontrak polisi.
[23] Merujuk penamatan dan peluputan polisi oleh pemegang polisi.
[24] Saham cip biru merujuk saham 30 syarikat terbesar berdasarkan permodalan pasaran di papan utama Bursa Malaysia.

akhir bulan Jun 2018. Penilaian yang lebih rendah dalam pasaran bon juga telah menyebabkan kerugian modal keseluruhan walaupun kadarnya adalah kecil. Oleh itu, kadar hasil pelaburan 12 bulan yang terdiri daripada dividen, kupon diterima, keuntungan bersih direalisasi dan belum direalisasi, merosot kepada 3.1% (Jun 2017: 7%) daripada jumlah pelaburan. Walau bagaimanapun, pendapatan terus disokong oleh jumlah premium bersih polisi baharu dan polisi sedia ada yang lebih tinggi, khususnya polisi insurans yang berkaitan dengan pelaburan. Premium bersih polisi-polisi ini mengekalkan pertumbuhan dua angka, walaupun kadarnya rendah sedikit pada 15.7% (ST1 2017: 18.2%), disebabkan oleh jumlah jualan produk baharu oleh penanggung insurans yang sederhana. Premium bersih bagi polisi berkaitan pelaburan menyumbang sebanyak RM9.4 bilion atau 45.3% daripada jumlah premium bersih. Jumlah pembayaran bersih manfaat polisi secara relatif stabil pada RM13.1 bilion (ST1 2017: RM12.7 bilion).

Perniagaan baharu oleh penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga meningkat 7.7% (ST1 2017: 6%). Peningkatan ini sebahagian besarnya didorong oleh polisi-polisi Insurans Takaful Gadai Janji Bertempoh (MRTA/MRTT), yang meningkat sebanyak 18.6% (ST1 2017: 13.1%). Trend ini sejajar dengan pertumbuhan pinjaman perumahan yang mapan sepanjang tempoh yang sama. Selaras dengan keperluan yang ditetapkan kepada penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga untuk menawarkan produk perlindungan asas bertempoh melalui saluran langsung kepada pengguna mulai 1 Julai 2017, pengagihan produk baharu melalui saluran tersebut[25] meningkat 12.3% (ST1 2017: 9.8%).

Keuntungan operasi sektor insurans am dan takaful am kekal tidak berubah pada RM1.3 bilion. Keuntungan pengunderaitan meningkat kepada RM0.7 bilion (ST1 2017: RM0.6 bilion), namun sebahagian besar daripadanya telah diimbangi oleh kerugian daripada pelaburan ekuiti (Rajah 34). Secara keseluruhan, nisbah tuntutan menurun sedikit kepada 58% (ST1 2017: 59%). Dalam segmen motor, beberapa pelarasan semula dibuat terhadap premium dan risiko apabila penanggung

[25] Saluran pengagihan langsung merujuk pengagihan produk melalui ibu pejabat dan premis cawangan, atau platform dalam talian. Bank Negara Malaysia merancang untuk mengeluarkan spesifikasi bagi penawaran langsung produk penyakit kritikal serta produk perubatan dan kesihatan pada separuh kedua tahun 2018, yang akan berkuat kuasa pada tahun 2019.

Rajah 34: Sektor Insurans dan Takaful Am – Komposisi Keuntungan Operasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

insurans am dan pengendali takaful am mula menetapkan premium yang lebih berbeza setara dengan risiko susulan liberalisasi[26] tarif motor 'Komprehensif' dan 'Pihak Ketiga, Kebakaran dan Kecurian'. Nisbah tuntutan bagi perlindungan wajib kecederaan dan kematian anggota pihak ketiga ('Akta' motor) bertambah baik kepada 98.6% (ST1 2017: 155.8%), manakala nisbah tuntutan bagi perlindungan motor lain meningkat kepada 63.8% (ST1 2017: 60.6%). Secara keseluruhan, nisbah tuntutan bagi segmen motor bertambah baik sedikit kepada 70.9% (ST1 2017: 72.1%).

Premium langsung kasar sektor insurans am dan takaful am kekal mapan sebanyak RM10.5 bilion (ST1 2017: RM10.3 bilion). Segmen motor kekal sebagai jenis perniagaan terbesar dengan bahagian sebanyak 48.1% daripada jumlah premium langsung kasar (ST1 2017: 48.1%). Segmen perubatan dan kesihatan mencatat premium langsung kasar yang lebih tinggi sebanyak 9% (ST1 2017: 6.4%) disebabkan oleh peningkatan permintaan untuk polisi perubatan berkelompok dan juga kenaikan

[26] Liberalisasi tarif bagi kedua-dua jenis polisi motor, termasuk perlindungan kecederaan dan kematian pihak ketiga, berkuat kuasa pada 1 Julai 2017, merupakan sebahagian daripada pembaharuan keseluruhan terhadap premium di bawah Fasa II. Fasa I yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016, membolehkan premium produk baharu motor dan kebakaran di luar skop tarif mencerminkan premium pasaran. Pelarasan kadar tarif secara beransur-ansur akan diteruskan bagi produk-produk lain di bawah tarif. Liberalisasi selanjutnya tertakluk kepada penilaian yang akan dibuat pada tahun 2019 tentang kesediaan pasaran untuk menyokong fasa-fasa liberalisasi seterusnya.

kos perubatan. Sebaliknya, perniagaan berkaitan minyak luar pesisir terus menguncup sebanyak 10.9% (ST1 2017: -24.7%) di tengah-tengah pemulihan yang perlahan dalam sektor minyak dan gas. Walau bagaimanapun, penguncupan ini hanya memberikan kesan yang kecil terhadap prestasi keseluruhan sektor am memandangkan bahagiannya daripada jumlah premium langsung kasar adalah kurang daripada 5%.

UJIAN TEKANAN KESOLVENAN BERBILANG TAHUN TERHADAP BANK DAN PENANGGUNG INSURANS

Bank Negara Malaysia (Bank) menjalankan ujian tekanan kesolvenan pengawalseliaan secara berkala terhadap bank dan penanggung insurans Malaysia bagi menilai daya tahan institusi-institusi ini ketika menghadapi tekanan makroekonomi dan kewangan yang teruk sepanjang tempoh tekanan empat tahun. Ujian tekanan dilaksanakan berdasarkan tiga hipotesis[27] senario makroekonomi (satu senario dasar dan dua senario buruk), yang mensimulasikan satu siri kejutan risiko hujung (tail risk) terhadap pendapatan dan modal institusi (Jadual 2). Ujian ini tidak mengambil kira: (a) apa-apa campur tangan dasar oleh pihak berkuasa; atau (b) tindakan pengurusan yang diambil oleh institusi tersebut. Ini bagi membolehkan Bank menilai keupayaan pantas bank dan penanggung insurans apabila menghadapi kejutan yang teruk tanpa memerlukan bantuan tambahan.

Keputusan ujian tersebut mengesahkan keupayaan bank dan penanggung insurans untuk menyerap kejutan. Pada akhir tempoh ujian tekanan itu, nisbah jumlah modal (total capital ratio, TCR) selepas kejutan bagi sistem perbankan dianggarkan melebihi 10% di bawah kedua-dua senario tekanan (Rajah 35). Nisbah kecukupan modal (capital adequacy ratio, CAR) bagi sektor insurans juga dijangka terus melebihi 130% (Rajah 36). Pada peringkat institusi, tujuh buah bank dengan bahagian pasaran kumulatif sebanyak 9.8% tidak dapat mengekalkan nisbah jumlah modal, nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (common equity tier-1, CET1) yang

[27] Untuk maklumat lanjut mengenai senario buruk, rujuk Rencana Maklumat bertajuk 'Tinjauan Keseluruhan Senario Ujian Tekanan Kesolvenan Terhadap Bank dan Penanggung Insurans'.

Rajah 35: Sistem Perbankan – Nisbah Jumlah Modal Selepas Kejutan

Nisbah modal selepas kejutan jauh melebihi keperluan minimum



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 36: Sektor Insurans – Keputusan Ujian Tekanan terhadap Nisbah Kecukupan Modal (CAR)

CAR selepas ujian tekanan kekal melebihi tahap minimum pengawalseliaan pada 130%



Sumber: Bank Negara Malaysia

melebihi keperluan minimum mengikut piawaian Basel III. Hanya satu penanggung insurans yang mencatat CAR di bawah keperluan minimum 130%.

Ujian tekanan mengesahkan keupayaan institusi kewangan untuk menyerap kejutan di bawah senario teruk yang disimulasikan

Bagi sistem perbankan, kerugian risiko kredit merangkumi lebih 90% daripada jumlah kerugian, dengan nisbah pinjaman terjejas kasar dijangka meningkat kepada 5%-9% di bawah senario buruk. Daripada kerugian kredit yang ditanggung, pinjaman untuk pembelian kenderaan pengangkutan merupakan bahagian terbesar kerugian tersebut

Gambar Rajah 2: Sistem Perbankan – Punca Utama Kerugian di bawah Senario Buruk



Nota: IRRBB = Risiko Kadar Faedah dalam Akaun Perbankan

Gambar Rajah 3: Sektor Insurans – Punca Utama Kerugian di bawah Senario Buruk



(19% - 23%), diikuti kemungkiran peminjam besar (16% - 23%) (Gambar Rajah 2). Walaupun di bawah senario buruk sedemikian, bank-bank berada pada kedudukan yang baik untuk menyerap potensi kerugian dengan menggunakan penampan modal dan pendapatan yang sedia ada.

Dalam sektor insurans, penanggung insurans hayat dijangka terjejas teruk oleh kejutan risiko pasaran yang disimulasikan. Hal ini kerana kebanyakan asetnya, iaitu sebanyak 74%, dipegang dalam bentuk portfolio dagangan (Gambar Rajah 3). Oleh yang demikian, CAR bagi penanggung insurans hayat dijangka merosot pada mulanya sebanyak 33 - 56 mata peratusan pada tahun pertama sebelum pulih kepada 236% - 248% menjelang akhir tempoh tekanan. Pemulihan ini disebabkan terutamanya oleh keuntungan modal daripada prestasi pasaran kewangan yang lebih kukuh mulai tahun kedua dan seterusnya, premium yang bertambah baik, dan pengurangan liabiliti berikutan peningkatan kadar hasil MGS[28]. Bagi penanggung insurans am, CAR kekal melebihi 200% di bawah kedua-dua senario buruk, dengan kesan utama berpunca daripada kejutan berkaitan dengan tuntutan insurans motor yang lebih tinggi.

[28] Kadar hasil MGS digunakan sebagai faktor pendiskaunan bagi liabiliti yang dijamin. Peningkatan faktor pendiskaunan akan menyebabkan penurunan nilai semasa liabiliti.

Tinjauan Keseluruhan Senario Ujian Tekanan Kesolvenan Terhadap Bank dan Penanggung Insurans

Ujian tekanan kesolvenan berbilang tahun menggunakan satu siri peristiwa risiko hujung (tail risk) berdasarkan tiga hipotesis laluan pertumbuhan KDNK domestik (satu senario dasar dan dua senario buruk) dan keadaan makroekonomi dan kewangan yang sepadan bagi tempoh empat tahun, dari tahun 2019 hingga 2022. Senario buruk ini direka khusus untuk tujuan ujian tekanan dan berkemungkinan besar tidak akan berlaku, berdasarkan analisis fakta balas.

Senario buruk pertama (SB1) melibatkan laluan pertumbuhan berbentuk V dengan kemelesetan awal yang ketara pada tahun 2019, diikuti oleh pemulihan yang kukuh dalam pertumbuhan ekonomi sebelum kembali ke trajektori pertumbuhan dasar. Magnitud kemelesetan adalah bersamaan dengan 2.5 sisihan piawai bagi kadar pertumbuhan KDNK jangka panjang daripada senario dasar. Senario ini mengandaikan: (i) ketegangan perdagangan yang semakin meningkat sehingga mencetuskan perang perdagangan pelbagai hala dalam kalangan negara ekonomi utama; (ii) kelembapan ketara di

Republik Rakyat (RR) China berikutan keadaan kredit yang ketat; dan (iii) volatiliti pasaran kewangan yang meningkat apabila langkah pengembalian dasar monetari ke tahap wajar secara berterusan dalam ekonomi maju menyebabkan aliran keluar modal yang pesat serta krisis hutang kerajaan dalam ekonomi pasaran sedang pesat membangun yang mudah terjejas. Ekonomi global diandaikan bertambah baik mulai tahun 2020 dan seterusnya, hasil tindakan pantas penggubal dasar melalui penggunaan rangsangan kitaran balas (counter-cyclical stimuli).

Senario buruk kedua (SB2) membuat simulasi laluan pertumbuhan ekonomi berbentuk L dengan penurunan sederhana pada awalnya, disusuli pertumbuhan KDNK lemah yang berpanjangan. Tempoh kelembapan yang berpanjangan ini adalah menyamai penurunan secara kumulatif (sepanjang empat tahun) tujuh sisihan piawai berbanding dengan senario dasar. Keadaan ini dicetuskan oleh: (i) kelembapan yang berlaku serentak di AS dan RR China, dengan ketegangan perdagangan yang semakin meningkat memberikan kesan ke atas pertumbuhan dan perdagangan global; (ii) ketidakpastian politik yang berpanjangan di UK dan EU mengenai rundingan Brexit; dan (iii) harga komoditi yang rendah, yang mengurangkan ruang fiskal bagi rangsangan di Malaysia, seterusnya menyebabkan pengangguran meningkat dan sentimen semakin teruk.

Jadual 2

Ujian Tekanan Kesolvenan: Andaian dan Parameter Kejutan Utama untuk Senario Buruk

Andaian Utama	Senario buruk pertama (SB1)	Senario buruk kedua (SB2)
Unjuran lembaran imbangan dan pendapatan		
• Penurunan pinjaman (kadar pertumbuhan tahunan terkompaun)	• -1.5%	• -3%
• Penurunan tahunan pertumbuhan pendapatan bank, dibezakan mengikut segmen (pendapatan faedah, pendapatan berasaskan fi dan pendapatan lain)	• Sehingga 19%	• Sehingga 15%
• Penurunan tahunan pendapatan premium penanggung insurans	• Sehingga 25%	• Sehingga 24%
Kejutan risiko kredit		
• Kejutan kebarangkalian mungkir (Probability of default, PD)		
• Pinjaman perniagaan	• 5% hingga 12%	• 5% hingga 15%
• Pinjaman isi rumah	• 2% hingga 12%	• 1% hingga 13%
• Kejutan kerugian akibat mungkir (Loss given default, LGD)		
• Pinjaman perniagaan	• 46% hingga 62%	• 45% hingga 67%
• Pinjaman isi rumah	• 20% hingga 77%	• 19% hingga 83%
• Kemungkiran peminjam korporat dengan dedahan besar kepada sistem perbankan	• Syarikat yang mempunyai kedudukan kewangan yang lemah (di bawah ambang kehematan) dalam simulasi kejadian tertekan	
Kejutan risiko pasaran		
• Peningkatan tahunan kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)	• Sehingga 38 mata asas	• Sehingga 29 mata asas
• Peningkatan tahunan kadar hasil bon korporat	• Sehingga 69 mata asas	• Sehingga 65 mata asas
• Penurunan tahunan FBM KLCI	• Sehingga 34%	• Sehingga 23%
• Penyusutan tahunan berbanding dengan mata wang utama	• 17% hingga 30%	• 9% hingga 15%
Kejutan risiko pendanaan luaran		
• Kebalikan (reversal) tuntutan oleh bukan pemastautin	• Sehingga 30% daripada peminjaman dan deposit antara bank	• Sehingga 15% daripada peminjaman dan deposit antara bank
Kejutan risiko insurans am		
• Peningkatan dalam nisbah tuntutan	• Sehingga 30%	• Sehingga 16%
• Peningkatan dalam liabiliti premium (kelas motor)	• Sehingga 1.5 kali peruntukan tambahan bagi sisihan yang teruk	• Sehingga 1 kali peruntukan tambahan bagi sisihan yang teruk

Hutang Penjawat Awam: Risiko dan Pertimbangan Dasar

Oleh Muhammad Khairul Muizz Abd Aziz, Rafidah Mohamad Zahari dan Siti Hanifah Borhan Nordin

Pengenalan: Penelitian Lebih Rapi Terhadap Hutang Penjawat Awam

Trend tahap hutang isi rumah Malaysia semakin menurun kepada 83.8% daripada KDNK pada akhir bulan Jun 2018 (2015 (paras tertinggi): 89% daripada KDNK), berikutan pelaksanaan pelbagai langkah sejak tahun 2010 untuk menambah baik amalan pemberian pinjaman oleh bank dan juga institusi kewangan bukan bank (IKBB[1]) utama. Risiko yang dikaitkan dengan pengumpulan pinjaman tidak bercagar, yang mendorong bertambahnya hutang isi rumah sebelum ini, juga telah banyak berkurang. Ini seperti yang dilihat dalam pertumbuhan pinjaman peribadi yang semakin perlahan daripada tahap tertinggi 25.2% pada tahun 2008 kepada 2.4% pada akhir bulan Jun 2018. Walaupun terdapat perkembangan yang positif ini, Bank Negara Malaysia (Bank) terus berwaspada terhadap risiko yang mungkin timbul daripada hutang isi rumah. Satu segmen yang mendapat perhatian khusus ialah penjawat awam, yang mencakupi satu perlima daripada jumlah hutang isi rumah. Sejak tahun 2012[2], hutang isi rumah dalam kalangan penjawat awam meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan terkompaun (compound annual growth rate, CAGR) sebanyak 7.6% yang mengatasi pertumbuhan KDNK nominal keseluruhan (CAGR: 6.2%). Rencana ini membuat sorotan mengenai dapatan utama kajian baru-baru ini terhadap tahap hutang penjawat awam sebagai sebahagian daripada usaha pengawasan berterusan oleh Bank terhadap hutang isi rumah. Kajian ini meneliti profil peminjaman penjawat awam, trend dan risiko dalam hutang mereka, serta potensi impak kepada kestabilan kewangan. Pertimbangan dasar untuk menyokong pengumpulan hutang secara yang lebih mampan dan berhemat dalam kalangan penjawat awam juga dibincangkan.

I. Fakta Mengenai Peminjaman Penjawat Awam: Hutang untuk Tujuan Penggunaan

Pada akhir bulan Februari 2018, jumlah hutang terkumpul penjawat awam adalah sebanyak RM236 bilion. Jumlah ini bersamaan dengan 20% daripada jumlah hutang isi rumah atau 17% daripada KDNK, lebih tinggi daripada tahap yang dicatat pada tahun 2012 (18% daripada jumlah hutang isi rumah atau 15% daripada KDNK). Pemprofilan lebih terperinci bagi penjawat awam yang berhutang mendedahkan perbezaan yang ketara berbanding dengan profil hutang isi rumah keseluruhan (Gambar Rajah 1). Hampir kesemua penjawat awam (97%) ada membuat pinjaman tertentu, dengan 62% daripada kredit diperoleh daripada IKBB (purata negara: 18%). Hampir separuh daripada peminjaman penjawat awam adalah untuk tujuan penggunaan (pembiayaan peribadi, kenderaan bermotor, kad kredit dan lain-lain) yang jauh lebih tinggi daripada purata negara pada 35%. Dari segi lokasi geografi, hampir separuh daripada mereka yang berhutang menetap di empat negeri utama yang telah mencapai tahap pembangunan yang tinggi (key urbanised states), dengan kos sara hidup yang secara relatif lebih tinggi. Kira-kira dua pertiga daripada penjawat awam berpendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan.

II. Trend Hutang Penjawat Awam dan Potensi Risiko

(a) Nisbah khidmat hutang adalah tinggi dan penampan kewangan adalah rendah

Keupayaan membayar balik hutang oleh penjawat awam kekal lebih rendah daripada kebanyakan peminjam yang lain di negara ini. Lebih separuh daripada pendapatan bulanan penjawat awam digunakan untuk membayar balik hutang berbanding dengan bahagian sebanyak satu pertiga sahaja oleh kebanyakan peminjam yang lain (Rajah 1). Tahap nisbah khidmat hutang (debt service ratio, DSR) yang nyata lebih tinggi

---

[1] Termasuk institusi kewangan pembangunan dan penyedia kredit utama seperti pemberi pinjaman sewa beli.
[2] Data terawal tentang tahap hutang penjawat awam.

Gambar Rajah 1: Profil Penjawat Awam yang Berhutang



* Kajian ini merangkumi 1.26 juta daripada 1.6 juta penjawat awam. Jumlah ini terdiri daripada tenaga kerja tetap Kerajaan Persekutuan dan anggota polis sahaja (tidak termasuk anggota tentera, Kerajaan Negeri, badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan)
** Pembiayaan peribadi, kenderaan bermotor, kad kredit dan lain-lain

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Bank Negara Malaysia

juga diperhatikan dalam kalangan penjawat awam dalam semua kumpulan pendapatan. Selepas mengambil kira perbelanjaan bulanan mereka untuk keperluan asas[3] dan hutang yang perlu dibayar, penjawat awam hanya mempunyai penampan kewangan yang terhad untuk menghadapi kejutan kewangan. Keadaan ini menjadi lebih teruk bagi mereka yang berpendapatan kurang daripada RM5,000 sebulan. Ini kerana hanya 15% daripada pendapatan bulanan mereka (iaitu kira-kira RM360 hingga RM586) boleh digunakan untuk perbelanjaan barangan yang pembeliannya adalah mengikut budi bicara pengguna (discretionary items), dan juga untuk simpanan. Perlu diambil perhatian bahawa perbelanjaan mengikut budi bicara adalah termasuk perbelanjaan untuk perkhidmatan komunikasi dan rekreasi serta pakaian yang dianggap penting oleh kebanyakan orang hari ini kerana ia memberi peluang kepada mereka untuk bergaul sesama anggota masyarakat yang lain dengan lebih bermakna.

[3] Perbelanjaan bulanan purata untuk keperluan asas dianggarkan berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Bagi kajian ini, keperluan asas ditakrifkan sebagai: (i) makanan dan minuman bukan alkohol; (ii) sewa rumah dan penyelenggaraan; (iii) air, elektrik, gas dan bahan api lain; (iv) pengangkutan; (v) pendidikan; dan (vi) penjagaan kesihatan.

Rajah 1: DSR Mengikut Kumpulan Pendapatan

Lebih separuh daripada pendapatan bulanan penjawat awam adalah untuk membayar balik hutang berbanding satu pertiga bagi purata peminjam



Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 2: Sumbangan kepada Pertumbuhan Hutang

Sumbangan pembiayaan peribadi kepada pertumbuhan hutang penjawat awam adalah lebih kurang empat kali ganda tahap nasional



Nota: (..%) menandakan kadar pertumbuhan tahunan terkompaun 2012-2018

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Bank Negara Malaysia

(b) Pertumbuhan dan bahagian pembiayaan peribadi yang lebih tinggi

Walaupun kadar peningkatan hutang penjawat awam dalam tempoh enam tahun yang lalu perlahan sedikit daripada jumlah hutang isi rumah (CAGR masing-masing 7.6% dan 7.7%), perbezaan yang ketara dapat dilihat dari aspek pemacu pertumbuhan (Rajah 2). Pembiayaan peribadi telah menjadi salah satu penyumbang utama kepada pengumpulan hutang penjawat awam dengan sumbangan sebanyak 2.3 mata peratusan (ppt) kepada pertumbuhan hutang penjawat awam, lebih kurang empat kali lebih tinggi daripada sumbangan pembiayaan peribadi kepada pertumbuhan hutang isi rumah keseluruhan (0.6 ppt). Hal ini telah mengakibatkan bahagian pembiayaan peribadi kepada jumlah hutang penjawat awam menjadi lebih besar (34%), berbanding dengan bahagian pada peringkat kebangsaan (15%) (Rajah 3). Bahagian pembiayaan peribadi kepada jumlah hutang penjawat awam juga mengalami trend yang meningkat sejak tahun 2012, berbanding dengan trend yang semakin menurun pada peringkat negara. Berdasarkan bukti anekdot, pembiayaan peribadi lazimnya digunakan untuk mengekalkan taraf hidup dan pilihan gaya hidup peminjam serta kegunaan perniagaan secara kecil-kecilan.

(c) Bahagian peminjam yang berada dalam margin kewangan[4] (financial margins, FM) negatif lebih tinggi

Walaupun penampan kewangan dalam kalangan penjawat awam adalah rendah, perbezaan dalam bahagian peminjam penjawat awam dengan FM negatif tidak ketara (8.5% daripada jumlah peminjam penjawat awam berbanding dengan purata kebangsaan 6.5%) (Rajah 4). Khususnya, FM negatif jelas kelihatan dalam kalangan penjawat awam yang berada dalam kumpulan pendapatan sederhana hingga tinggi, termasuk mereka yang berpendapatan lebih daripada RM10,000 sebulan. Hal ini bertentangan dengan pemerhatian pada peringkat negara, iaitu mereka yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan merupakan bahagian terbesar peminjam dengan FM negatif. Keadaan ini mungkin disebabkan oleh perbezaan dalam struktur gaji. Dalam segmen pendapatan rendah, purata gaji permulaan penjawat awam didapati lebih tinggi

[4] Margin kewangan ditakrifkan sebagai baki pendapatan boleh guna bulanan dan aset kewangan mudah tunai oleh peminjam, selepas ditolak bayaran balik hutang dan perbelanjaan keperluan asas.

daripada purata kebangsaan. Walau bagaimanapun, bagi peminjam dengan pendapatan melebihi RM3,000 sebulan, kenaikan gaji yang lebih cepat dalam sektor swasta menyumbang kepada pengukuhan penampan kewangan sekali gus mengurangkan berlakunya insiden FM yang negatif. Peminjam dalam kalangan penjawat awam dengan FM negatif juga dilihat secara konsisten mempunyai bahagian pembiayaan peribadi yang tinggi, dengan komitmen pembayaran balik hutang keseluruhan melebihi 60% daripada jumlah pendapatan.

Rajah 3: Pembiayaan Peribadi Mengikut Kumpulan Pendapatan

Bahagian pembiayaan peribadi daripada jumlah hutang penjawat awam telah meningkat sejak 2012, merentasi semua kumpulan pendapatan



Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rajah 4: Peminjam dengan Margin Kewangan Negatif Mengikut Kumpulan Pendapatan

Bahagian peminjam dengan margin kewangan negatif bagi peminjam di kalangan penjawat awam lebih tinggi berbanding purata nasional



Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Bank Negara Malaysia

iii. Kesan daripada Dedahan Kredit Institusi Kewangan kepada Penjawat Awam adalah Terhad

Kualiti aset peminjaman penjawat awam daripada bank dan IKBB kekal tinggi, dengan nisbah pinjaman terjejas agregat pada 1.3%, lebih rendah daripada nisbah 1.6% bagi isi rumah keseluruhan (Rajah 5). Hal ini disebabkan terutamanya oleh sebahagian besar daripada pembayaran balik peminjaman bulanan oleh penjawat awam dibuat melalui kemudahan potongan gaji secara automatik. Mekanisme ini telah memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan dedahan risiko kredit kepada penjawat awam. Walau bagaimanapun, nisbah pinjaman terjejas untuk keseluruhan penjawat awam dan khususnya mereka yang berpendapatan di bawah RM5,000 sebulan telah meningkat secara beransur-ansur sejak tahun 2012. Yang nyata, pinjaman peribadi mencakupi lebih dua pertiga daripada pinjaman terjejas penjawat awam. Dapatan ini adalah konsisten dengan profil peserta yang didaftarkan di bawah Program Pengurusan Hutang oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), yang menunjukkan bahawa perancangan kewangan yang lemah dan tekanan kos sara hidup yang dikaitkan dengan peminjam berpendapatan rendah menjadi penyebab utama kesulitan kewangan.

Penilaian terhadap hutang berisiko[5] juga dibuat untuk mengkaji kemungkinan kesan risiko kepada institusi kewangan berikutan pemberian pinjaman kepada penjawat awam. Penilaian ini dibuat berdasarkan satu set andaian yang konservatif, iaitu:

- 100% kebarangkalian mungkir bagi peminjam dengan FM negatif;
- 100% kerugian akibat mungkir bagi semua pinjaman, kecuali pinjaman perumahan yang kerugian akibat mungkir diandaikan sebanyak 40%; dan
- Skim potongan gaji secara automatik yang mengurangkan risiko kredit diabaikan.

[5] Kadar hutang peminjam dengan FM negatif kepada jumlah hutang isi rumah selepas mengambil kira nilai cagaran.

Di bawah senario ini, hutang berisiko bagi penjawat awam dianggarkan sebanyak kira-kira RM24 bilion, yang mewakili hanya 2.2% daripada jumlah hutang isi rumah atau 10% daripada jumlah hutang penjawat awam. Analisis terhadap semua kumpulan pendapatan mendapati bahawa sebahagian besar daripada hutang berisiko adalah daripada kumpulan berpendapatan antara RM3,000 hingga RM5,000, yang mencakupi 42% daripada jumlah hutang berisiko (Rajah 6). Profil ini adalah sama dengan profil peringkat negara, yang menunjukkan risiko yang lebih tinggi daripada peminjam dalam kumpulan pendapatan ini (rujuk Rencana dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2017 bertajuk, 'Dibelenggu Hutang: Penilaian Terhadap Tahap Hutang dan Penampan Kewangan Isi Rumah'). Dapatan ini mengesahkan bahawa risiko kepada kestabilan kewangan yang berpunca daripada pemberian pinjaman terus kepada penjawat awam adalah terhad. Risiko juga dikurangkan dengan peluasan liputan program pendidikan kewangan dan pengurusan hutang yang disediakan oleh AKPK untuk meliputi peminjam penjawat awam dan IKBB sejak tahun 2014.

Rajah 5: Nisbah Pinjaman Terjejas Penjawat Awam Mengikut Tujuan Pembiayaan dan Kumpulan Pendapatan

Nisbah pinjaman terjejas keseluruhan penjawat awam dan yang berpendapatan bulanan kurang daripada RM5,000 telah meningkat sejak 2012



Nota: (...) menandakan nisbah pinjaman terjejas pada tahun 2012

Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Chart 6: Hutang Berisiko bagi Penjawat Awam Mengikut Kumpulan Pendapatan

Sebahagian besar hutang berisiko adalah daripada kumpulan pendapatan RM3,000-5,000



Sumber: Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Pertimbangan Dasar

Walaupun tahap hutang penjawat awam menimbulkan risiko yang terhad kepada kestabilan kewangan, bahagian peminjaman yang lebih tinggi daripada IKBB dan daya tahan kewangan yang secara relatif lebih lemah, boleh meningkatkan risiko timbulnya kesulitan kewangan dalam kumpulan peminjam ini. Ini seterusnya boleh mengakibatkan implikasi sosioekonomi yang lebih luas.

Beberapa keutamaan dasar perlu diberikan tumpuan untuk menggalakkan pengumpulan hutang yang lebih mampan dalam kalangan penjawat awam dan isi rumah, amnya:

(i) Mempercepat penggubalan Akta Kredit Pengguna untuk meningkatkan kebajikan dan perlindungan pengguna

IKBB mencakupi 18% daripada jumlah hutang isi rumah, yang sebahagian besarnya terdiri daripada peminjam penjawat awam. Sebahagian besar pemberian pinjaman IKBB, termasuklah pemberian pinjaman oleh pemberi pinjaman wang dan koperasi kredit yang menumpukan pada kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana, masih tidak dikawal selia secara menyeluruh. Kajian semula terhadap pengaturan pengawasan yang sedia ada bagi semua penyedia kredit pengguna perlu dibuat untuk mengukuhkan rangka kerja

pengawalseliaan aktiviti kredit pengguna di Malaysia. Bagi mencapai tujuan ini, Akta Kredit Pengguna yang sedang digubal oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia bermatlamat untuk: (i) menggalakkan budaya kredit yang berhemat dan bertanggungjawab dalam kalangan peminjam dan pemberi pinjaman; (ii) mengukuhkan perlindungan pengguna dalam urusan mereka dengan penyedia kredit pengguna; dan (iii) menggalakkan rangka kerja pengawalseliaan dan pengawasan yang selaras dan bersepadu (coherent) bagi aktiviti kredit pengguna.

(ii) Merangka Strategi Kebangsaan Celik Kewangan

Usaha meningkatkan kesedaran tentang hal-hal kewangan dan meningkatkan kemahiran pengurusan kewangan akan menyumbang kepada proses membuat keputusan kewangan yang lebih baik dan berasaskan maklumat. Bank, dengan kerjasama AKPK[6], telah memperkenalkan pelbagai program seperti *Money Sense* dan Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) untuk meningkatkan tahap celik kewangan dan keupayaan pengurusan kredit merentas pelbagai kumpulan sasaran. Inisiatif ini perlu diperluas untuk menghasilkan suatu pendekatan peringkat kebangsaan yang terlaras bagi pendidikan kewangan merangkumi pelbagai aspek pengurusan kewangan dan juga demografi. Rangkaian Pendidikan Kewangan, yang dibentuk oleh Bank bersama-sama dengan agensi Kerajaan[7] yang lain pada tahun 2016 sedang merangka Strategi Kebangsaan Celik Kewangan berlandaskan teras berikut: (i) memupuk nilai-nilai kewangan yang bertanggungjawab sejak peringkat bangku sekolah; (ii) menggalakkan amalan gaya hidup yang sesuai dengan kedudukan kewangan; (iii) menyemai sikap dan tabiat kewangan yang positif dalam kalangan kumpulan sasaran; (iv) menyokong perancangan kewangan jangka panjang dan perancangan persaraan; dan (v) memperkasakan setiap individu dalam pengurusan risiko dan pulangan.

(iii) Melaksanakan strategi yang lebih mampan untuk menyediakan perumahan kepada rakyat

Hutang perumahan mencakupi 49% daripada hutang penjawat awam. Dalam persekitaran rumah kini "benar-benar tidak mampu dimiliki", Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan bekalan rumah mampu milik dan menambah baik pasaran sewa sebagai alternatif yang berdaya maju bagi pemilikan rumah. Langkah ini seterusnya mengurangkan tahap dan keperluan untuk hutang perumahan. Langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan pasaran sewa yang lebih dinamik dengan perlindungan hak-hak penyewa dan tuan rumah yang diperkukuh termasuk penggubalan Akta Sewaan Kediaman, penubuhan Tribunal Penyewaan, dan peruntukan pelepasan cukai ke atas pendapatan sewa yang memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan. Pelaksanaan semua langkah ini perlu dipercepat.

(iv) Memperkukuh amalan pengunderaitan dalam kalangan pemberi pinjaman IKBB yang besar kepada penjawat awam

Memandangkan IKBB mencakupi lebih 60% daripada pemberian pinjaman kepada penjawat awam, usaha yang berterusan untuk mengukuhkan amalan pengunderaitan mereka memainkan peranan penting dalam memastikan pengumpulan hutang penjawat awam yang lebih mampan pada masa hadapan. Akses IKBB kepada kemudahan potongan gaji secara automatik kepada penjawat awam hendaklah diberikan dengan syarat IKBB menunjukkan amalan pembiayaan yang bertanggungjawab. Had DSR yang ditetapkan di bawah kemudahan sedemikian juga perlu menggunakan maklumat daripada penilaian kemampuan bagi kumpulan peminjam yang berbeza dan tertakluk pada kajian semula untuk mencerminkan keadaan peminjam yang berubah-ubah. Had yang ditetapkan perlu dikuatkuasakan dengan tegas.

---

[6] Untuk keterangan yang lebih terperinci, rujuk Rencana dalam Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2017, 'AKPK – Memajukan Budaya Kewangan yang Berhemat'.

[7] Kerjasama antara Bank dengan agensi lain (Suruhanjaya Sekuriti, AKPK, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan Permodalan Nasional Berhad).

(v) Mempertingkatkan prospek pertumbuhan pendapatan

Memandangkan pendapatan merupakan salah satu penentu utama penampan kewangan dan keupayaan membayar balik hutang, pembaharuan yang relevan untuk memperkuat hubung kaitan antara gaji dan imbuhan dengan produktiviti penjawat awam akan memberikan kesan yang besar terhadap usaha meningkatkan daya tahan kewangan penjawat awam. Pembaharuan ini juga akan menjadikan perkhidmatan awam dapat disediakan dengan lebih baik dan juga meningkatkan kecekapan ekonomi secara meluas.

Kesimpulan

Kajian ini memperlihatkan bahawa penjawat awam mempunyai tahap hutang yang tinggi dan tahap hutang mereka ini semakin meningkat sejak tempoh kebelakangan ini. Kajian ini juga menunjukkan keupayaan membayar balik hutang segmen peminjam ini adalah lebih lemah berbanding dengan kebanyakan peminjam yang lain pada peringkat negara. Tahap hutang yang tinggi dan penampan kewangan yang rendah yang meskipun buat masa ini hanya menimbulkan risiko yang terhad kepada kestabilan kewangan, namun boleh menimbulkan implikasi sosioekonomi yang lebih besar. Oleh yang demikian, keutamaan dasar, yang meliputi langkah-langkah untuk meningkatkan celik kewangan serta memperkukuh pengawasan dan amalan pemberian pinjaman IKBB, merupakan usaha yang penting bagi memastikan tahap pengumpulan hutang penjawat awam yang lebih mampan dapat dicapai sekali gus mengelakkan risiko yang lebih tinggi pada masa akan datang.

Rujukan

Bank Negara Malaysia (2017): ‘Dibelenggu Hutang: Penilaian Terhadap Tahap Hutang dan Penampan Kewangan Isi Rumah’, Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2017, Halaman 44-54.

Bank Negara Malaysia (2017): ‘AKPK – Memajukan Budaya Kewangan yang Berhemat’, Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2017, Halaman 71-76.

Jabatan Perangkaan Malaysia (2016): ‘Laporan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah’.

Tambahan

Jadual A.1

Penunjuk Kekukuhan Kewangan Utama

	Pada akhir tahun				
	2014	2015	2016	2017	ST1 2018*a*
	% (atau dinyatakan sebaliknya)				
Sistem Perbankan					
Nisbah Jumlah Modal	15.9	16.6	16.5	17.8	17.0
Nisbah Modal Kumpulan 1	14.0	14.2	14.0	14.9	13.5
Nisbah Modal Ekuiti Biasa Kumpulan 1	13.3	13.3	13.1	14.0	12.7
Pulangan atas Aset	1.5	1.3	1.3	1.5	1.5
Pulangan atas Ekuiti	15.2	12.3	12.5	13.0	13.3
Nisbah Perlindungan Mudah Tunai[1]	-	125.1	124.3	134.9	139.3
Nisbah Pinjaman Terjejas Bersih	1.2	1.2	1.2	1.1	1.0
Caj Modal bagi Risiko Kadar Faedah dalam Akaun Dagangan kepada Modal Asas	1.4	1.2	1.1	1.0	1.2
Kedudukan Mata Wang Asing Terbuka Bersih kepada Modal Asas	4.7	6.1	6.3	6.1	5.2
Pemegangan Ekuiti kepada Modal Asas	1.3	0.7	1.5	1.9	0.7
Sektor Insurans dan Takaful					
Nisbah Kecukupan Modal	243.5	245.2	243.7	233.0	239.3
Insurans Hayat dan Takaful Keluarga					
Lebihan Pendapatan berbanding Perbelanjaan (RM bilion)	13.8	12.0	13.3	19.0	2.9
Premium / Sumbangan Perniagaan Baharu (RM bilion)	12.9	13.2	14.2	15.1	8.2
Nisbah Kecukupan Modal[2]	235.8	242.5	239.1	226.2	230.3
Insurans Am dan Takaful Am					
Keuntungan Pengunderaitan (RM bilion)	1.8	1.3	1.8	1.3	0.7
Keuntungan Operasi (RM bilion)	3.2	2.7	3.4	2.7	1.3
Premium / Sumbangan Langsung Kasar (RM bilion)	19.1	19.5	19.7	19.9	10.5
Nisbah Tuntutan	57.5	60.2	55.9	58.6	58.0
Nisbah Kecukupan Modal[3]	272.2	258.2	266.2	268.8	263.9
Sektor Isi Rumah (IR)					
Hutang IR (RM bilion)	960.1	1,030.5	1,086.2	1,139.9	1,165.7
Aset Kewangan IR (RM bilion)	2,015.0	2,119.3	2,232.4	2,423.5	2,458.4
Nisbah Hutang IR kepada KDNK	86.8	89.0	88.3	84.2	83.8
Nisbah Aset Kewangan IR kepada Jumlah Hutang IR	209.9	205.7	205.5	212.6	210.9
Nisbah Aset Kewangan Mudah Tunai IR kepada Jumlah Hutang IR	147.5	142.4	140.7	145.2	144.1
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor IR	1.9	1.6	1.6	1.6	1.6
Sektor Perniagaan					
Pulangan atas Aset	6.0	4.9	4.6	4.4	4.5[4]
Pulangan atas Ekuiti	10.2	8.8	7.9	7.7	7.6[4]
Nisbah Hutang kepada Ekuiti	39.2	43.2	43.0	47.0	50.4
Nisbah Perlindungan Faedah (kali)	12.0	10.6	11.5	9.1	8.2[4]
Margin Operasi	15.9	14.8	14.5	15.4	13.9[4]
Nisbah Pinjaman Terjejas Sektor Perniagaan	2.6	2.5	2.5	2.6	2.6
Institusi Kewangan Pembangunan[5]					
Pinjaman kepada Sektor Terpilih (% perubahan)	7.0	5.5	5.7	0.1	-1.9
Deposit Digembleng (% perubahan)	5.3	2.0	6.4	4.8	2.4
Nisbah Pinjaman Terjejas	5.0	4.8	5.9	5.1	6.0
Pulangan atas Aset	1.6	1.4	1.0	1.4	1.2

[1] Rangka Kerja Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Basel III berkuat kuasa pada 1 Jun 2015 dan menggantikan garis panduan Rangka Kerja Mudah Tunai dan Rangka Kerja Mudah Tunai-i yang dikeluarkan pada 1 Julai 1998
[2] Angka-angka termasuk penanggung insurans komposit dan pengendali takaful komposit dengan bahagian perniagaan insurans hayat atau takaful keluarga yang lebih besar
[3] Angka-angka termasuk penanggung insurans komposit dan pengendali takaful komposit dengan bahagian perniagaan insurans am atau takaful am yang lebih besar
[4] Berdasarkan data untuk tempoh dua belas bulan sehingga bulan Jun 2018
[5] Merujuk institusi kewangan pembangunan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
a Awalan

Sumber: Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, Bloomberg dan pengiraan dalaman

Jadual A.2

Senarai Piawaian dan Garis Panduan Baharu dalam ST1 2018

No.	Sektor/ Bidang	Piawaian/Garis Panduan	Jenis	Huraian
1	Bank, penanggung insurans dan pengendali takaful	Risiko Kredit	Dokumen Dasar	Diwujudkan untuk tujuan meningkatkan amalan pengurusan risiko kredit di seluruh industri, dengan mengambil kira (i) perkembangan dari segi saiz dan kepelbagaian penawaran produk; (ii) pengantarabangsaan sistem kewangan yang lebih meluas; dan (iii) peranan pasaran modal domestik yang semakin berkembang sebagai sumber pembiayaan alternatif.
2		Penyaringan Pekerja		Bermatlamat untuk menjadikan tenaga kerja dalam sektor kewangan lebih beretika dengan memperkukuh proses penyaringan dalam pengambilan pekerja oleh institusi kewangan. Sejarah tingkah laku bakal pekerja yang lebih telus akan memudahkan institusi kewangan membuat keputusan berdasarkan maklumat dalam pengambilan pekerja.
3		Bai' al-Sarf (Pertukaran Mata Wang)		Diterbitkan untuk menggalakkan keseragaman penggunaan kontrak Bai' al-Sarf dalam produk dan perkhidmatan kewangan Islam. Penggunaan yang seragam ini akan memperkukuh kepastian undang-undang produk kewangan dan meningkatkan amalan pematuhan Syariah oleh institusi kewangan Islam.
4		Pemetaan Tanggungjawab	Kertas Perbincangan	Bertujuan untuk memperjelas tanggungjawab individu yang memegang tampuk kepimpinan dalam institusi kewangan dan untuk memberi insentif kepada individu-individu ini supaya lebih bertanggungjawab dalam memikul tugas yang lebih besar demi memupuk budaya yang sihat dan menangani risiko salah laku.
5	Bank-bank	Pendedahan Tunggak 3	Draf Pendedahan	Mewujudkan keperluan minimum yang disemak semula bagi pendedahan maklumat penting yang berkaitan dengan modal pengawalseliaan, mudah tunai dan dedahan risiko institusi kewangan. Keperluan pendedahan yang disemak semula memperkenalkan templat umum bagi mewujudkan keseragaman yang lebih baik dan memudahkan penggunaan pendedahan dalam dan merentasi bidang kuasa. Keperluan Tunggak 3 melengkapi keperluan modal minimum dan kawal selia yang lain, proses kajian semula penyeliaan dan laporan kewangan.
6		Qard	Dokumen Dasar	Bermatlamat untuk menggalakkan penggunaan Qard yang lebih seragam dalam urus niaga kewangan Islam dan mewujudkan keperluan Syariah dan operasi bagi penggunaan kontrak Qard.
7		Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI): Memperkukuh Peranan dan Kesan Kewangan Islam	Kertas Perbincangan	Bertujuan untuk memperjelas tentang ulasan penting yang diterima semasa tempoh perundingan dan gerak balas Bank, termasuk: 1. Takrif VBI; 2. Potensi implikasi penerapan VBI kepada modus perniagaan dan pengurusan risiko; 3. Strategi VBI: Pendekatan pelaksanaan; dan 4. Memperkemas VBI dengan inisiatif yang sedia ada
8	Penanggung insurans dan pengendali takaful	Insurans Kredit Perdagangan dan Takaful Kredit Perdagangan	Draf Pendedahan	Mewujudkan keperluan cadangan Bank untuk menawarkan insurans kredit perdagangan dan takaful kredit perdagangan yang layak menjadi alat untuk mengurangkan risiko kredit di bawah Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II – Aset Berwajaran Risiko) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank-bank Islam (Aset Berwajaran Risiko). Keperluan yang dicadangkan berusaha untuk meletakkan produk insurans dan takaful ke tahap yang dapat memenuhi keperluan perlindungan perniagaan dengan lebih baik.
9	Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)	Risiko Kredit – Amalan Terbaik untuk Institusi Kewangan Pembangunan	Pemberitahuan	Diwujudkan untuk tujuan meningkatkan amalan pengurusan risiko kredit IKP dengan menggalakkan penerapan piawaian dan amalan yang berkaitan yang ditetapkan dalam dokumen dasar Risiko Kredit yang diterbitkan untuk institusi kewangan.
10	AML/CFT	AML/CFT Dasar untuk Mata Wang Digital (Sektor 6)	Dokumen Dasar	Bertujuan untuk meningkatkan ketelusan aktiviti mata wang digital di Malaysia dan memperkukuh perlindungan kawal selia terhadap risiko pengubahan wang haram/ pembiayaan keganasan (ML/TF) yang berkaitan dengan penggunaan mata wang digital.

Nota: Bank-bank termasuk bank konvensional, bank Islam dan bank pelaburan. Semua dokumen boleh didapati melalui laman sesawang Bank.

Jadual A.3

Senarai Piawaian dan Garis Panduan yang Disemak dalam ST1 2018

No.	Sektor/Bidang	Piawaian/Garis Panduan	Jenis	Huraian
1	Bank, penanggung insurans dan pengendali takaful	Pelaporan Kewangan	Dokumen Dasar	Dikemas kini dengan memasukkan keperluan bagi institusi perbankan untuk mengekalkan rizab kawal selia. Kemas kini juga (i) memasukkan keperluan untuk bank, penanggung insurans dan pengendali takaful menyatakan secara telus caj antara syarikat dan penempatan dana dalam akaun pelaburan dengan institusi perbankan Islam, dan (ii) menerangkan tentang pengelasan jejas nilai kemudahan kredit.
2		Pelaporan Kewangan untuk Institusi Perbankan Islam		
3		Pelaporan Kewangan untuk Pengendali Takaful		
4	Bank dan IKP	Dokumen Dasar Rangkaian Dalam Talian Bersepadu Risiko Operasi (ORION)		Memperkenalkan semakan terhadap keperluan pelaporan bagi pelanggaran dalam melindungi maklumat pelanggan, pelaporan Gangguan Perniagaan dan Kegagalan Sistem serta penunjuk risiko operasi utama.
5		Kemudahan Tetap		Memperluas cagaran yang layak untuk operasi kemudahan tetap dengan memasukkan Penerimaan Jurubank (BA) dan Instrumen Deposit Boleh Niaga (NID) yang dikeluarkan oleh bank-bank tempatan berlesen dengan penarafan AAA.
6	Bank-bank	Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal)		Dikemas kini untuk mengambil kira pelaksanaan Instrumen Kewangan MFRS 9, yang merangkumi: 1. Definisi peruntukan am dan pengiktirafannya dalam Modal Kumpulan 2; 2. Definisi peruntukan khusus; dan 3. Penjajaran istilah baharu yang digunakan untuk tujuan pengiktirafan modal dan pelarasan kawal selia. Kemas kini juga memberikan penjelasan tentang pengolahan modal bagi keuntungan pembelian melalui rundingan dan aset hak penggunaan.
7		Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank-bank Islam (Komponen Modal)		
8		Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II – Aset Berwajaran Risiko)		
9		Rangka Kerja Kecukupan Modal untuk Bank-bank Islam (Aset Berwajaran Risiko)		
10	Bank-bank Islam	Ijarah		Memasukkan resolusi terkini Majlis Penasihat Syariah Bank tentang: 1. Kecacatan yang dibenarkan yang mewajarkan hak pelanggan untuk menamatkan kontrak Ijarah; 2. Pemberian janji oleh pelanggan untuk menanggung kerugian yang timbul daripada kerosakan kepada aset pajakan yang tidak dilindungi oleh perlindungan takaful atau insurans; dan 3. Penggunaan insurans konvensional untuk melindungi aset yang dipajak.
11	Pengendali takaful	Rangka Kerja Operasi Takaful	Draf Pendedahan	Keperluan kawal selia yang disemak untuk mengukuhkan amalan pengurusan dana takaful bagi memastikan kemampanan dan pengurusan yang berhemat. Secara kolektif, semakan ini berusaha untuk merangsang inovasi yang lebih besar dalam takaful sementara kedudukan peserta takaful terus dilindungi.
12	IKP	Rangka Kerja Modal untuk Institusi Kewangan Pembangunan	Pemberitahuan	Memaklumkan kepada IKP tentang takrif peruntukan yang dipinda dalam Rangka Kerja Modal untuk Institusi Kewangan Pembangunan, selaras dengan keperluan MFRS 9.

Nota: Bank-bank termasuk bank konvensional, bank Islam dan bank pelaburan. Semua dokumen boleh didapati melalui laman sesawang Bank.

Jadual A.4

Tindakan Penguatkuasaan yang Diambil pada Separuh Pertama 2018

Bidang	Tindakan Penguatkuasaan
Ketidakpatuhan pada keperluan perniagaan perkhidmatan wang	• Lima entiti disabitkan dengan kesalahan menjalankan perniagaan perkhidmatan wang yang tidak sah di bawah seksyen 4(1) Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 (APPW).
	• Satu entiti disabitkan dengan kesalahan penggunaan perkataan secara tidak sah yang menampakkan penyediaan perniagaan perkhidmatan wang di bawah seksyen 23(1) APPW.
	• Kompaun sejumlah RM135,000 dikenakan ke atas dua penyedia perniagaan perkhidmatan wang kerana gagal mematuhi keperluan pelantikan di bawah seksyen 30(1) APPW.
Ketidakpatuhan pada keperluan pengawalseliaan	• Penalti kewangan pentadbiran (Administrative monetary penalties, AMP) berjumlah RM10.6 juta dikenakan ke atas 31 bank kerana gagal mematuhi keperluan pelaporan statistik di bawah seksyen 143 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) dan seksyen 155 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA).
	• AMP berjumlah RM4.8 juta dikenakan ke atas tiga bank kerana gagal mematuhi piawaian yang dikeluarkan oleh BNM di bawah seksyen 48 FSA dan seksyen 58 IFSA.
	• AMP berjumlah RM725,000 dikenakan ke atas sebuah bank kerana gagal mematuhi keperluan tadbir urus korporat di bawah seksyen 63 IFSA.
	• Kompaun berjumlah RM100,000 dikenakan ke atas sebuah bank kerana gagal mematuhi Ketetapan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu di bawah seksyen 82 (1) Akta Bank Negara Malaysia 2009.
Ketidakpatuhan pada keperluan pentadbiran pertukaran asing	• Kompaun berjumlah RM650,000 dikenakan ke atas sebuah bank kerana gagal mematuhi keperluan pentadbiran pertukaran asing di bawah seksyen 214(2) FSA.
Ketidakpatuhan pada dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembanterasan Pembiayaan Keganasan (Anti-Money Laundering and Counter Financing of Terrorism, AML/CFT)	• Kompaun berjumlah RM160,000 dikenakan ke atas sebuah bank kerana gagal mematuhi kewajipan pelaporan dan keperluan usaha wajar pelanggan di bawah seksyen 14 dan seksyen 16 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA).